

Jilid IV
Bil. 18



Hari Khamis
3hb April, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2713]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985) [Ruangan 2769]

Jawatankuasa—

Maksud B. 2 dan B. 5 [Ruangan 2776]

Maksud B. 13 [Ruangan 2776]

Maksud B. 29 dan B. 30 [Ruangan 2807]

Maksud B. 33 [Ruangan 2820]

Maksud B. 35 dan 38 [Ruangan 2823]

Maksud B. 45 [Ruangan 2834]

Maksud B. 48 [Ruangan 2835]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1985 [Ruangan 2769]

Jawatankuasa—

Maksud P. 13 [Ruangan 2776]

Maksud P. 18 [Ruangan 2788]

Maksud P. 19 [Ruangan 2789]

KANDUNGANNYA—(samb.)

Maksud P. 21 dan P. 23 [Ruangan 2796]

Maksud P. 25 [Ruangan 2797]

Maksud P. 28 [Ruangan 2807]

Maksud P. 36 dan P. 40 [Ruangan 2823]

Maksud P. 45 [Ruangan 2834]

Maksud P. 47 [Ruangan 2835]

Maksud P. 48 [Ruangan 2835]

Maksud P. 51 dan P. 52 [Ruangan 2837]

Penggantungan Kuatkuasa Peraturan Mesyuarat [Ruangan 2768]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siptu).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Menteri Buruh, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (KOTA SETAR).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.
(Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.
(Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN,
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO' MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P.,
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.
(Panti).
- „ TUAN MUTANG TAGAL, (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.
(Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

- Yang Berhormat **TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.**
(Baling).
- „ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P.** (Balik Pulau).
- „ **TUAN SIM KWANG YANG** (Bandar Kuching).
- „ **TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P.** (Damansara).
- „ **TUAN TAN KOK HOOI** (Padang Serai).
- „ **DR TAN SENG GIAW** (Kepong).
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN** (Julau).
- „ **TUAN TING LING KIEW** (Bintulu).
- „ **WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD** (Jerantut).
- „ **WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH** (Pasir Mas).
- „ **TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD** (Pasir Puteh).
- „ **WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K.** (Sungai Petani).
- „ **TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T.** (Bagan Datok).
- „ **TUAN YEOH POH SAN** (Petaling).
- „ **TUAN YEW FOO WENG** (Menglembu).
- „ **DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.** (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 3hb April, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Timbalan Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANPUTERA NORODOM
RANARIDDH—LAWATAN
KE MALAYSIA

1. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Luar Negeri menerangkan apakah tujuan lawatan anak Putra Norodom Sihanouk ke Malaysia baharu-baharu ini.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, Putera Norodom Ranariddh (anak kepada Putera Norodom Sihanouk) adalah sebagai wakil peribadi ayahandanya yang mengetuai salah satu peregerakan perjuangan pembebasan rakyat Khmer (Kampuchea) yang bukan komunis iaitu FUNCIPC/ANS iaitu golongan Sihanouk yang tergabung dalam Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea (CGDK) yang diiktiraf oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Baginda juga merupakan Panglima Tertinggi Angkatan Tentera ANS/atau Tentera Nasional Sihanouk. Lawatan Putera Ranariddh ke Malaysia baru-baru ini adalah di atas undangan Kerajaan kita. Semasa lawatannya Putera Ranariddh telah

mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan saya, Timbalan Menteri Luar dan pegawai-pegawai kanan Wisma Putra dan mengadakan perjumpaan dengan beberapa orang pemimpin-pemimpin politik yang lain.

Dalam beberapa pertemuan yang telah diadakan seperti di atas, Putera Ranariddh telah memberi taklimat mengenai perkembangan terakhir dalam perjuangan tentera-tentera pembebasan rakyat Khmer (Kampuchea), khususnya bagi kumpulan yang diwakilinya iaitu ANS dan juga kumpulan-kumpulan lain dalam CGDK amnya. Aktiviti-aktiviti perjuangan rakyat Kampuchea dari ketiga-tiga kumpulan yang bergabung dalam CGDK untuk membebaskan negara mereka telah diselaraskan dan banyak kejayaan dicapai dalam operasi mereka. Dengan itu perjuangan mereka telah memberi kesan yang besar kepada pihak lawan sehinggakan pihak Vietnam tidak berupaya untuk melakukan serangan musim kering (dry season offensive) secara besar-besaran di tahun ini seperti yang pernah dilakukan di tahun-tahun sebelumnya.

Kita telah mengambil kesempatan merakamkan rasa simpati kita terhadap perjuangan rakyat Kampuchea untuk membebaskan negara mereka dari pendudukan tentera asing. Kita juga memberikan dorongan agar mereka terus gigih dalam perjuangan mereka hingga tercapai matlamatnya. Ini tidak bererti kita mencari penyelesaian secara ketenteraan. Kita telah menekankan

ini iaitu kita berpegang teguh kepada hakikat bahawa sengketa di Kampuchea hendaklah diselesaikan dengan penyelesaian politik yang menyeluruh demi menjamin kedamaian yang berkekalan. ASEAN akan terus memainkan peranannya di bidang diplomatik dan politik di peringkat antarabangsa iaitu menyokong perjuangan rakyat Kampuchea dan CGDK, di mana kejayaan yang dicapai seperti di bangsa-bangsa Bersatu dan forum-foram antarabangsa yang lainnya akan tetap dipertahankan.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi ada menerangkan bahawa Putera Norodom Sihanouk ini telah menerangkan setakat terakhir berkenaan dengan perkembangan perjuangan mereka itu. Dapatkah Yang Berhormat Menteri menerangkan di dalam taklimatnya itu, dalam jangka masa berapa panjangkah lagi dapat diwujudkan Kerajaan campuran yang tersebut, dan yang sebenarnya apakah langkah-langkah Kerajaan kita yang betul-betul memberi kesan yang bersungguh-sungguh untuk membantu Putera Norodom Sihanouk.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan buat masa sekarang ini kalau tidak salah saya, CGDK ataupun Kerajaan Campuran ini yang diakui oleh Bangsa-bangsa Bersatu ataupun antarabangsa yang lain telah pun wujud dua tahun yang lepas dan Kerajaan ini akan sentiasa diperkukuhkan selagi ada keadaan yang terdapat sekarang ini di Kampuchea yang mana perlu mereka bersama-sama ketiga-tiga kumpulan ataupun puak ini untuk menghalaukan keluar pihak-pihak tentera Vietnam di

Kampuchea ini. Jadi, buat masa sekarang ini kita tidak boleh berikan satu jangka masa bilakah akan diberhentikan Kerajaan Campuran ini.

Yang kedua, bersabit dengan apakah sokongan. Boleh dikatakan Malaysia sentiasa memberikan sokongan yang penuh untuk perjuangan CGDK ini oleh sebab hakikat pada dasarnya Kampuchea sekarang ini diperintah oleh pihak asing dibantu oleh tentera Vietnam dan perlu Kerajaan Malaysia dan juga Kerajaan-kerajaan ASEAN yang lain memberikan sumbangan dan sokongan supaya orang-orang Khmer ini diberikan balik hak mereka untuk menentukan nasib mereka pada masa akan datang. Jadi, buat masa sekarang ini kita memberikan sokongan penuh di forum antarabangsa supaya kejayaan ini dapat dicapai.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri, sebagaimana kita tahu Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea ini ialah satu Kerajaan yang tidak ada negeri, cuma Kerajaan sahaja, kerana negara dia diperintah oleh golongan lain, seolah-olah satu Kerajaan buangan yang tidak ada negeri. Jadi, dengan kedatangan anak Norodom Sihanouk ini dan juga dengan sokongan kita kepada Kerajaan ini, tidakkah kita ini akan merupakan satu ancaman pula kepada Kerajaan tersebut, Kerajaan yang memerintah, yang berkuasa di negeri itu sekarang ini dan ini merupakan tamparan kepada mereka dan menimbulkan kemarahan kepada negara kita dan juga negara-negara Asia yang lain? Setakat ini berapa buah negara besar yang menyokong dengan Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea ini yang selain daripada negara-negara Asia?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak betul dan tidak benar yang mengatakan CGDK ini tidak ada negeri, bahkan boleh dikatakan Kerajaan Heng Samrin kalau tidak ada tentera Vietnam dengan 180,000 orang, saya rasa mungkin mereka tidak dapat mempertahankan kedudukan mereka. Jadi, boleh dikatakan mereka ada negara.

Sukalah saya memberikan penjelasan kepada Dewan yang mulia ini, daripada 159 negara yang menjadi ahli Bangsa-bangsa Bersatu, 110 negara mengakui sokongan ataupun perjuangan CGDK ini. Yang 110 negara itu mengundi pada tahun yang lepas dan negara-negara yang memberikan sokongan tidak bersetuju hanya sedikit sahaja, saya tidak ingat berapa banyak; yang "abstention" pun ada, yang tidak mengundi pun ada di antara 159 ataupun yang baki selain daripada 110 ini. Jadi, ini bermakna Kerajaan CGDK ini telah diiktiraf oleh antarabangsa yang begitu banyak yang mengakui sepatutnya CGDKlah yang memerintah. Kalau tidak fasal Vietnam, saya rasa pihak berkuasa Heng Samrin ini tidak akan dapat berkekalan di Phnom Phen.

INSTITUT KAJIAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA— PENUBUHAN

2. **Tuan Othman bin Abdul** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kegiatan-kegiatan Pusat Kajian Strategi Antarabangsa Malaysia yang telah ditubuhkan. Apakah hasil yang telah diperolehi selama ini terutamanya dalam pengkajian mengenai ekonomi dunia dan negara.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan tujuan penubuhannya, Institut Kajian

Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia telah melaksanakan beberapa projek di bawah kajian Dasar Ekonomi Dalam dan Luar Negeri dengan memberi tumpuan kepada kajian yang berkaitan dengan kedudukan ekonomi dunia dan negara sejajar dengan penekanan Kerajaan untuk meningkatkan prestasi ekonomi negara pada masa ini. Di antara projek-pojek yang telah dilaksanakan olehnya dalam aspek ini termasuklah perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah kewangan, perdagangan, pembuatan dan pembinaan.

Selain daripada kajian-kajian tersebut, ISIS telah menganjurkan banyak persidangan, bengkel dan perbincangan umum mengenai kedudukan ekonomi negara. Kolokium-kolokium untuk membincangkan masalah-masalah hubungan antarabangsa, keselamatan dan ekonomi serta perdagangan dua hala juga telah diadakan dengan negara-negara seperti Rusia, India, Taiwan, Jepun, Vietnam, Republik Rakyat China dan Amerika Syarikat.

ISIS telah pun mengemukakan beberapa laporan persidangan dan kajian serta rumusan kepada Kerajaan. Ringkasnya, ISIS telah menghasilkan pengeluaran dan penyebaran idea-idea serta memberi perspektif-perspektif baru kepada berbagai aspek strategik yang ada kaitan dengan negara ini. ISIS juga telah dan akan memberi maklumbalas mengenai dasar-dasar penting negara.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah ISIS satu badan untuk Kerajaan sahaja atau untuk memberi nasihat atau perakuan-perakuan mengenai dasar-dasar (trends)?

Kedua, adakah lebih wajar bahawa laporan-laporan, kajian-kajian yang dibuat oleh ISIS bukan sahaja

dikemukakan kepada pihak Kerajaan, tetapi juga kepada Ahli-ahli Parlimen supaya mereka pun boleh dapat faedah daripada kajian ISIS?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, ISIS ditubuhkan khususnya membantu Kerajaan dalam aspek-aspek yang telah saya katakan tadi. Walau bagaimanapun, sebenarnya ISIS ini terbuka kepada bidang umum, termasuklah bidang profesional dan bidang swasta, untuk meminta membuat kajian bila masa dikehendaki atau diperlukan.

Mengenai dengan laporan-laporannya, sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuk juga Ahli dari Kota Melaka, ingin mendapati laporan-laporan itu, ini boleh diatur.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Bahari bin Harun.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Bahari bin Harun tidak hadir)

SKIM PENCEN—KAJIAN SEMULA

4. Tuan Quah Wee Liam minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula skim-skim pencen yang telah lama tidak dikaji semula. Kerana adanya sebahagian kakitangan-kakitangan Kerajaan dan bekas anggota tentera yang telah lama bersara masih ditempatkan dalam skim pencen lama seperti Skim Pencen Upaya (Disability Pension).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, kajian semula skim pencen adalah merupakan satu proses yang berterusan bergantung kepada kedudukan ekonomi dan belanjawan mengurus negara. Adalah tidak benar sebahagian daripada kakitangan-kakitangan Kerajaan dan bekas Anggota Tentera yang

menerima pencen hilangupaya masih lagi dalam skim pencen yang lama. Penerima Pencen Hilangupaya adalah layak mendapat kemudahan penyelarasan pencen mengikut Akta Penyelarasan Pencen 1980, Akta 238, yang berkuatkuasa mulai 1-7-1980.

Pencen mereka diselaraskan berdasarkan kepada gaji bersamaan yang diterima semasa mereka bersara ke tanggagaji Kabinet I dan Kabinet II. Bagi pesara Angkatan Tentera, bayaran pencen mereka juga telah diselaraskan di bawah Akta Pencen Angkatan Tentera.

PELABUHAN—KAJIAN PENGUNAAN

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menjalankan satu kajian tentang penggunaan yang optima sumber dan kemudahan pelabuhan yang ada bagi tempoh 20 tahun akan datang, jika ada, sila nyatakan:

- (a) tujuan tindakan ini; dan
- (b) siapakah yang terlibat dalam kajian ini dan berapa banyak yang akan dibelanjakan ke atas kajian ini dan adakah Kerajaan pasti bahawa wang-wang yang dibelanjakan ke atas projek ini tidak akan membazir.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang bercadang untuk mengadakan satu kajian mengenai pelabuhan-pelabuhan. Kajian ini akan dinamakan Kajian Pelabuhan-pelabuhan Negara ataupun "National Ports Study".

Secara ringkas tujuan kajian ini adalah untuk:

- (i) merancang dan mengatur strategi pembangunan

pelabuhan bagi keperluan negara ini untuk tempoh masa 20 tahun;

- (ii) memastikan bahawa pelabuhan dibangunkan secara teratur dan sistematik dan bagi penyelarasan aktiviti pelabuhan;
- (iii) mengkaji masalah-masalah yang dihadapi dan meningkatkan lagi perkhidmatan di pelabuhan;
- (iv) mengkaji kedudukan pelabuhan-pelabuhan tempatan dengan perubahan yang berlaku di bidang perkapalan dan juga perkembangan di pelabuhan-pelabuhan lain di dunia; dan
- (v) mengkaji kedudukan kewangan pelabuhan bagi pembiayaan projek-projek pembangunan pelabuhan pada masa akan datang.

Bagi menjalankan kajian ini satu syarikat usahasama juruperunding tempatan akan dilantik. Kerajaan sedang dalam peringkat menilai dan memilih syarikat ini daripada 9 tawaran yang telah diterima. Kos kajian ini adalah dalam lingkungan M\$4.6 juta. Kerajaan percaya bahawa kajian ini adalah berfaedah untuk negara kerana ia menilai kemudahan-kemudahan yang sedia ada dan juga menentukan keperluan negara untuk kemudahan-kemudahan pelabuhan bagi masa-masa akan datang.

PROJEK IADP

6. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pertanian menyatakan sejak IADP dilancarkan berapa hektar tanah terbiar telah dipulih dan berapa hektar sawah dapat dipertingkatkan hasil dari semusim kepada dua musim hingga akhir tahun 1985; dan berapakah kos perbelanjaan bagi tujuan di atas dan berapa kos purata tiap-tiap satu hektar untuk pemulihan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini pada 15-7-1985 pertanyaan yang agak sama dengan pertanyaan ini telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat sendiri dan walau bagaimanapun, sukacita di sini saya menjawab sekali lagi pertanyaan beliau itu.

Sejak projek-projek IADP dilaksanakan seluas 30,322 hektar tanah terbiar telah dipulihkan. Manakala tanah sawah tebiar yang dapat dipulih serta dipertingkatkan hasil pengeluarannya bagi kawasan tanaman semusim dan dua musim hingga akhir tahun 1985 ialah kira-kira 23,358 hektar. Perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan bagi pemulihan tanah-tanah terbiar ini dianggarkan \$58.7 juta berdasarkan kos purata pemulihan tiap-tiap satu hektar tanah terbiar sebanyak \$2,000.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian iaitu apakah usaha galakan Kementerian Pertanian bagi menjamin dan memastikan bahawa tanah yang dipulih dan dipertingkatkan hasil itu tetap diusahakan oleh pak tani dan mereka tidak akan memilih kerja lain daripada menjadi pak tani. Kedua, berapakah jumlah pak tani yang terlibat dengan rancangan pemulihan tersebut.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, itulah hasrat Kerajaan dan Kementerian menggalakkan para tuan punya tanah supaya mengusahakan tanah-tanah mereka, tetapi tidak ada pilihan lain jikalau tanah itu terus dibiarkan begitu. Pihak Kementerian Pertanian dan pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah harus mengambil tindakan atau mengusahakan bidang tanah yang terbiar itu. Soalan yang kedua tadi, bilangan para petani-petani yang telah

mendapat pertolongan atau bantuan dari pihak Kerajaan terhadap bidang-bidang tanah mereka yang terbiar ini saya memohon maaf oleh kerana tidak mempunyai angka-angka yang sah, tetapi tempat-tempat dan kebanyakan bendang-bendang tanah yang telah pun diusahakan selama ini, saya ada di sini dan nampaknya begitu banyak, jadi saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua agar jawapan ini akan saya serahkan kepada Yang Berhormat nanti.

Timbalan Yang di-Pertua: Secara jawapan bertulis. Yang Berhormat Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Azharul bin Haji Abdul Rahim.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim tidak hadir).

PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU—IMEJ

9. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah usaha-usaha Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sudah tidak memberi erti kepada keselamatan dan kedamaian dunia apabila keputusan demi keputusan dibuat yang tidak dipatuhi oleh negara-negara terlibat terutama negara kuasa besar. Penguasaan Soviet Russia terhadap Afghanistan dan negara lain di Asia berterusan. Campurtangan Amerika Syarikat pula masih berleluasa terhadap negara-negara Arab di Timur Tengah dan Utara Afrika. Oleh itu apakah penglibatan negara kita dalam mengembalikan imej kedudukan badan dunia itu supaya keputusannya dihormati oleh negara terlibat.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa dunia masa kini adalah lebih baik sekiranya dibanding dengan keadaan sebelum tertubuhnya Bangsa-bangsa Bersatu. Memang tidak dapat disangkal bahawa sejak wujudnya Badan Dunia tersebut, masih terdapat konflik-konflik dan peperangan di beberapa negara di dunia ini. Walau bagaimanapun, peranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam tempoh usianya 40 tahun, sebagai satu forum, di mana kesemua 159 negara ahli boleh menyuarakan pandangan negara masing-masing ke atas satu-satu isu dalam usaha mencari penyelesaian boleh dianggap berjaya.

Keputusan-keputusan yang dibuat oleh pertubuhan tersebut tetapi tidak dipatuhi oleh negara-negara terlibat, terutama negara kuasa besar, adalah disebabkan oleh sikap acuh tak acuh negara berkenaan, lebih-lebih lagi sekiranya keputusan yang dibuat tidak menurut kehendak atau memberi kepentingan kepada mereka. Ini sama sekali tidak mencerminkan bahawa usaha-usaha pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sudah tidak memberi erti kepada keselamatan dan kedamaian dunia, malah satu kerugian kepada negara-negara yang degil dan engkar mematuhi keputusan-keputusan yang telah dicapai.

Usaha negara kita dalam mengembalikan imej kedudukan Badan Dunia itu supaya keputusannya dihormati oleh negara-negara terlibat, adalah dengan memberi pandangan dan saranan supaya negara-negara tersebut mengimbas kembali tujuan dan hasrat wujudnya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu selaras dengan Piagam Pertubuhan tersebut. Hanya dengan cara ini sahaja, konflik-konflik

dapat diselesaikan dan keberkesanan pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dapat dirasai.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana jawapan Yang Berhormat Mulia Menteri Luar tadi bahawa sikap acuh tak acuh dan juga sikap tidak mengindahkan keputusan yang dibuat oleh Bangsa-bangsa Bersatu inilah satu daripada sebab berlakunya negara-negara besar ini mencero bohi terhadap negara-negara kecil dan negara-negara yang sedang membangun. Oleh itu, apakah Badan Dunia ini mempunyai kuasa ataupun misalnya mempunyai kuasa pemulauan terhadap negara-negara yang acuh itu acuh tadi ataupun boleh mengadakan tindakan ketenteraan sekiranya negara-negara yang dikatakan tadi tidak mahu mematuhi keputusan yang dibuat oleh Bangsa-bangsa Bersatu demi untuk menjaga maruah dan juga supaya acuh tak acuh ini dapat diacuhkan oleh mereka.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj T. Ismail: Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini boleh dikatakan ada kuasa di dalam badan pertubuhan dunia ini untuk mengusirkan negara daripada pertubuhan ini yang mana terdapat seperti beberapa negara telah pun di putuskan untuk diusir, tetapi sebaliknya pula ada juga baik kalau perkara ini tidak diusir oleh sebab kita dapat membawakan mereka itu berbincang di dalam pertubuhan ini. Bersabit dengan Badan Polis atau Tentera untuk melaksanakan, mengendalikan keputusan-keputusan Bangsa-bangsa Bersatu ataupun Jawatankuasa Keselamatan ataupun Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu ini, buat masa sekarang tidak ada Badan Polis ini untuk mengendalikan keputusan-keputusan ini, sebab itulah kita terdapat yang mana keputusan-keputusan ini tidak dapat dijalankan dan tidak diambil peduli oleh negara-negara besar.

Bukanlah saya menyatakan iaitu hanya kuasa besar yang hanya membuat acuh tak acuh, ada juga kuasa-kuasa yang sederhana pun membuat juga begitu yang sepertimana kita tahu keadaan yang berlaku di negara Asia Tenggara ini.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, negara kita memang menyokong dengan kuat pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ini dan sejak Perdana Menteri kita yang baru iaitu Dato' Seri Dr Mahathir mengambil alih pimpinan negara kita, satu isu baru telah dibawa iaitu memperjuangkan soal Antartika. Saya ingin tahu dalam kita menaikkan emej negara kita di Bangsa-bangsa Bersatu apakah keberkesannya tuntutan kita supaya Antartika ini dijadikan sebuah negara yang dimiliki oleh semua negara-negara di dunia ini.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Isu Antartika ini masih di dalam tekanan kita yang mana beberapa tahun yang lepas iaitu tahun ini kita akan juga membawa isu Antartika ini sepertimana yang kita telah pun bawa pada tahun yang lepas.

Dua tahun dahulu ialah satu tahun permulaan bagi kita supaya kita membincangkan hal ini dan juga meminta Setiausaha Agung membuatkan laporan untuk dikaji. Kita harap, dan boleh dikatakan sokongan penuh dapat dibuat untuk kita berjaya dalam isu Antartika ini. Tetapi walau bagaimanapun banyak negara, khususnya negara-negara besar masih lagi tidak begitu ingin bersama dengan kita, khususnya kedua-dua negara kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan Soviet Union. Inilah satu ketika dalam isu Antartika yang mereka bersatu. Tidak ada isu yang lain mereka bersatu. Barangkali kitalah yang membuat mereka bersatu di dalam isu Antartika ini. Ini saya rasa satu perkara yang kita akan

menghadapi juga yang mana kuasa-kuasa besar Amerika Syarikat dan Soviet Union bersatu di dalam isu Antartika ini.

PENGEMIS YANG DITANGKAP

10. Tuan Baharom bin Haji Bakar minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapakah kes-kes tangkapan serta jumlah para pengemis yang terdapat di seluruh negara mengikut negeri-negeri dan dari jumlah itu berapakah bilangan yang melibatkan para pengemis negara luar; dan
- (b) apakah bidang latihan dan pendidikan yang diberikan kepada para pengemis ini di pusat-pusat tahanan sebagai langkah membolehkan mereka berdikari selepas tamat tempoh tahanan dan berapakah peruntukan yang telah dan akan dibelanjakan bagi membiayai para pengemis ini bagi tahun-tahun 1985 dan 1986.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) jumlah pengemis yang ditangkap dalam masa tiga tahun yang lalu iaitu daripada tahun 1983 hingga tahun 1985 adalah seramai 2,092 orang dan pecahannya mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah (orang)</i>
Johor	147
Kedah	98
Melaka	55
Kelantan	13
Negeri Sembilan	165
Pahang	51

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah (orang)</i>
Perak	167
Perlis	20
Pulau Pinang	245
Selangor	151
Terengganu	1
Wilayah Persekutuan ..	979
JUMLAH ..	2,092

Daripada jumlah tersebut, bilangan pengemis asing ialah seramai 407 orang dan pecahannya mengikut tahun adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Pengemis (orang)</i>
1983	124
1984	160
1985	123
	<hr/>
	407

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada, pengemis-pengemis di bawah umur 60 tahun adalah dianggap sesuai untuk diberi latihan pemulihan dan untuk maksud ini mereka ditempatkan di Desa Bina Diri, Mersing. Bagi pengemis-pengemis yang berumur 60 tahun atau lebih, mereka ini dianggap sesuai diberi kemudahan perlindungan dan oleh itu ditempatkan di Rumah-rumah Orang-orang Tua yang telah diwartakan sebagai institusi bagi pengemis-pengemis.

Di Desa Bina Diri, Mersing, pengemis-pengemis adalah diberi latihan mengikut kemampuan dan kecenderungan mereka. Latihan-latihan vokasional yang diberi di antara lain ialah pertanian, ternakan, pertukangan kayu, dobi, jahitan, urusan rumahtangga dan gunting rambut. Selain dari latihan vokasional tersebut, latihan rohani juga dititikberatkan. Tiap-tiap penghuni diberi kebebasan untuk beribadah mengikut agama masing-masing. Di samping itu, mereka juga diberi rundingcara dari masa ke semasa.

Di Rumah-rumah Orang Tua pula, kemudahan yang diberi kepada pengemis-pengemis adalah bertujuan untuk memenuhi masa lapang mereka. Bagi maksud ini mereka diberi peluang membuat kerja-kerja rotan, bercucuk tanam dan sebagainya.

Berkenaan dengan perbelanjaan, Pusat Desa Bina Diri, Mersing telah membelanjakan sebanyak \$0.8 juta bagi tahun 1985 dan peruntukan bagi tahun 1986 adalah sebanyak \$1 juta. Perbelanjaan untuk Rumah-rumah Orang Tua bagi tahun 1985 adalah sebanyak \$4.8 juta dan peruntukan bagi tahun 1986 adalah sebanyak \$5.5 juta. Angka-angka bagi Rumah-rumah Orang Tua ini adalah merangkumi perbelanjaan bagi semua penghuninya iaitu orang-orang tua serta juga pengemis-pengemis yang ditempatkan di situ. Angka-angka tersebut tidak dibahagi-bahagikan di antara orang-orang tua dan pengemis-pengemis oleh kerana sukar untuk berbuat demikian.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat tadi bahawa pengemis-pengemis ini di seluruh negara ditangkap lebih daripada 2,000 orang. Saya ingin bertanya Dewan yang mulia ini, adakah terdapat daripada pengemis ini yang saya

dimaklumkan, pengemis ini terdapatkah mereka ini yang badannya tegap dan boleh buat kerja dan ada pengemis-pengemis terdapat mereka mempunyai rumah yang berharga berpuhul ribu dan setengahnya berbini dua pula.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pengemis-pengemis yang ditempatkan di Pusat Bina Diri, Mersing, adalah boleh dikatakan tiga kategori. Mereka ini didapati uzur sungguhpun belum mencapai umur 60 tahun. Dan keadaan mental mereka tidak berapa sihat. Ada di antara mereka ini adalah cacat iaitu cacat anggota. Oleh sebab itu, saya tidak berapa sedarlah sesiapa yang ada dua bininya.

Timbalan Yang di-Pertua: Memang statistik bini dua, siapa hendak cerita. Payah mengikut statistik (*Ketawa*).

SKANDAL SYARIKAT SETIA TIMUR LEASING SDN BHD

11. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementeriannya atau Bank Negara untuk melindungi kepentingan kira-kira 10,000 orang penyimpan-penyimpan Syarikat Setia Timur Leasing Sdn Bhd yang melibatkan kira-kira \$60 juta simpanan (deposits) yang terpedaya oleh bayaran faedah yang tinggi untuk menyimpan wang mereka dalam apa yang kononnya dikatakan Syarikat-syarikat Kewangan berlesen; dan apakah tindakan yang telah diambil untuk memastikan bahawa kelemahan-kelemahan (loopholes) dalam undang-undang akan diatasi untuk mencegah berulangnya skandal Setia Timur seumpama ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Bank

Negara adalah diberi kuasa di bawah Akta Syarikat Kewangan, 1969, untuk menyasiat mana-mana syarikat yang disyaki melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan penerimaan simpanan yang melanggar akta tersebut, dan mereka yang melakukan kesalahan boleh didakwa. Walau bagaimanapun, tidak ada peruntukan undang-undang yang membolehkan Bank Negara membantu penyimpan-penyimpan untuk mendapatkan kembali wang simpanan mereka dari syarikat-syarikat tersebut. Cara untuk mendapatkan kembali wang simpanan tersebut haruslah dibuat melalui proses perundangan iaitu, dengan membawa perkara tersebut ke pengadilan mahkamah.

Orang ramai mestilah sedar bahawa mereka yang ingin mendapatkan kadar faedah yang tinggi dengan menyimpan di dalam syarikat-syarikat yang tidak dilesenkan sebagai Syarikat Kewangan dan menjalankan kegiatan-kegiatan penerimaan simpanan secara haram, adalah salah dan berbuat sedemikian dengan menanggung risikonya sendiri. Mereka sepatutnya faham bahawa simpanan-simpanan dalam sistem bank di bawah pengawalan Bank Negara yang berlesen seperti bank-bank perdagangan, syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank saudagar adalah selamat dan terjamin. Terdapat peruntukan dalam undang-undang yang memberi perlindungan secukupnya kepada penyimpan-penyimpan di dalam sistem bank, termasuk kemudahan pinjaman terakhir dari Bank Negara serta siasatan dan pengawasan yang teratur ke atas institusi-institusi di bawah jagaannya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kumpulan Syarikat Setia Timur, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pihak Polis bersama dengan pihak Bank Negara dan Pendaftar Syarikat telah membuat pemeriksaan mengejut ke atas pejabat

Syarikat tersebut untuk mendapatkan bukti yang mereka telah melanggar Akta Syarikat Kewangan 1969 dan mendakwa mereka, jika bersalah. Berhubung dengan ini, tindakan untuk mendakwa 8 Syarikat Setia Timur telah pun dijalankan dan perintah tegahan, dengan izin, injunction, telah pun diterima pada 21hb Februari, 1986 ini bagi membekukan harta-harta yang diketahui kepunyaan syarikat-syarikat tersebut. Mengenai penyimpan-penyimpan Biro Bantuan Guaman telah memberi bantuan guaman kepada penyimpan-penyimpan yang meminta bantuan untuk mendapatkan kembali wang simpanan mereka.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ketiadaan tindakan yang berkesan oleh pihak baikpun Kementerian Kewangan atau Bank Negara untuk menjaga kepentingan depositors dalam kes ini yang semuanya orang-orang kecil, surirumah, penjaja dan pekerja, menimbulkan satu gambaran bahawa Kementerian Kewangan tidak berminat untuk menjaga kepentingan orang biasa khasnya apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri pernah berkata akan mengadakan pindaan kepada Akta-akta Kewangan supaya mencegah perkara seperti ini berlaku. Perkara ini sudah berlaku 6 bulan dan bukan sahaja Syarikat Setia Timur, lain-lain syarikat kredit pun sudah timbul masalah. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, dan bolehkah beliau memberitahu kenapakah Kementerian Kewangan begitu lambat, acuh tak acuh dalam perkara ini sehingga tidak ambil apa-apa tindakan supaya undang-undang yang ada diperketatkan, supaya perkara ini tidak akan timbul dan mereka yang melakukannya akan boleh didenda atau dipenjarakan dengan berat. Sebaliknya apabila dalam perkara semacam KWSP, service charge, Privy Council membuat satu keputusan pada 26hb Februari, tak

sampai dua minggu ada pindaan di depan Dewan ini untuk meminda undang-undang KWSP supaya overturn Privy Council decision.

Bukankah ini menunjukkan bahawa Kementerian Kewangan baru mahu menjaga kepentingan majikan-majikan, orang-orang yang kaya, tetapi masalah-masalah orang-orang kecil, pekerja-pekerja biasa diketepikan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu keterangan yang memuaskan?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, "Dalam semak ada duri, ayam kuning buat sarang, orang tamak selalu rugi, macam anjing dengan bayang-bayang".

Saya katakan tadi kalau sekiranya mereka ini hendak menyimpan dalam syarikat-syarikat kewangan yang tidak berlesen, hanya untuk mendapatkan faedah yang lebih tinggi, maka risikonya tergantunglah kepada mereka sendiri. Kita tidak ketahui sewaktu mereka membuat simpanan-simpanan ini. Simpanan-simpanan seperti ini adalah salah dan sudah tentu kita tidak diberitahu oleh penyimpan-penyimpan. Kita hanya tahu apabila mereka ini mengalami kesusahan kerana baru itulah mereka membuat rayuan dan sebagainya, pada hal pada mulanya tamak hendakkan faedah yang lebih.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, kelewatan menyelesaikan masalah ini bukanlah bererti bahawa kita tidak mengambil berat tentang kebajikan penyimpan-penyimpan tetapi seperti saya katakan tadi menyimpan dengan cara ini salah. Dalam pada itu juga kita telah mengambil tindakan seperti memeriksa dengan mengejut Syarikat Setia Timur ini dan kita telah membekukan hakmiliknya yang diketahui dipunyai oleh mereka dan

memeriksa ke atas kelapan-lapan buah syarikat kepunyaan Syarikat Setia Timur Credit and Leasing seperti yang saya katakan di dalam jawapan saya tadi.

Berkaitan dengan sama ada kita akan mengubah perundangan syarikat kewangan ini, saya rasa ini tidak timbul oleh sebab kita tidak akan mengubah undang-undang syarikat kewangan ini hanya untuk membolehkan orang-orang yang tamak menyimpan di dalam syarikat-syarikat kewangan yang tidak berlesen, ertinya kita haraplah supaya mereka ini kalau sekiranya hendak menjaga keselamatan duit mereka, sama ada orang kaya ataupun orang-orang yang tak kaya, orang miskin ertinya, simpanlah di dalam syarikat-syarikat kewangan yang berlesen, bank-bank yang berlesen, supaya simpanan mereka itu terjamin dan Bank Negara akan menjamin segala simpanan mereka itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat belum menjawab sama ada pihak Kerajaan akan meminda Akta Syarikat Kewangan, 1969 yang tidak mempunyai kuasa yang cukup untuk menyelesaikan masalah seperti ini dan apakah yang dimaksudkan oleh Bank Negara sebagai sistem "insurance credit" untuk menyelesaikan masalah seperti ini?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat dari Kepong pandai berbahasa Malaysia dengan fasih tetapi dia sengaja buat tidak faham. Saya katakan tadi kalau kita hendak ubah undang-undang Akta Syarikat Kewangan, 1969 pun kita tidak dapat mengubah supaya mereka yang menyimpan di dalam syarikat-syarikat yang tidak berlesen ini terjamin simpanan mereka. Itu tidak boleh, kalau kita mengubah sekali pun masih lagi mereka yang tidak mempunyai lesen tidak akan kita beri perlindungan

kepada penyimpan-penyimpan sebab ini haram, haram menyimpan di syarikat-syarikat yang tidak berlesen dengan Kerajaan maka itu kita berharap kepada mereka tak usahlah simpan di tempat yang macam ini, simpanlah di tempat-tempat yang berlesen.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah, Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan undang-undang tidak boleh melindungi orang-orang yang bersubahat dengan perbuatan haram.

Dr Tan Seng Giaw: Satu soalan berkenaan apakah sistem insurans kredit yang dimaksudkan Gabenor Bank Negara untuk menyelesaikan masalah seperti ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah perkara berkenaan berkaitan, Yang Berhormat?

Dato Sabbaruddin Chik: Itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tak ada kena mengena langsung dengan soalan asal.

PEMBANTU MASYARAKAT BAHAGIAN AGAMA— KEKURANGAN

12. **Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menjelaskan adakah Kementerianya sedar bahawa di negeri Perak sangat kekurangan Pembantu Masyarakat Bahagian Ugama. Jika sedar apakah langkah-langkah positif yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah yang terlalu mendesak itu.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa permintaan

terhadap Kelas-kelas Agama Islam KEMAS sentiasa bertambah bukan sahaja di negeri Perak malah dari beberapa buah negeri yang lain seperti Kedah, Selangor, Pahang dan lain-lain. Bagaimanapun, Kementerian saya tidak mampu memenuhi semua permintaan tersebut, melainkan setakat bilangan yang diluluskan sahaja.

Dengan jumlah bilangan Pemaju Masyarakat yang ada sekarang, Kementerian saya cuba menambah bilangan kumpulan dan menggalakkan pertambahan bilangan peserta bagi setiap kumpulan.

Langkah ini adalah yang paling wajar dilaksanakan dalam keadaan sekarang ini, yang akan dapat menolong meningkatkan prestasi kelas-kelas yang sedia ada di samping memperluaskan kawasan dan bilangan peserta yang diliputi oleh setiap Pemaju Masyarakat yang sedia ada.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa Kerajaan ada menambah bilangan kumpulan. Saya minta penjelasan yang lebih jelas lagi apakah maksud menambahkan bilangan kumpulan yang dimaksudkan itu?

Yang kedua, tambahan yang dibuat itu adakah termasuk menggantikan mereka yang telah bersara kerana lebih umur dan sebagainya ataupun tambahan kepada kumpulan pemohon-pemohon yang baru?

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, maksud kita untuk menambahkan bilangan kumpulan-kumpulan ini ialah memandangkan bahawa kita memang memahami kekurangan guru-guru agama di seluruh negara ini. Jadi, tujuan kita untuk meliputi untuk negeri-negeri ini dan juga

membanyakkan peserta-peserta kita terpaksa membuat kumpulan-kumpulan di mana kumpulan-kumpulan ini akan disertai oleh beberapa orang di tiap-tiap kawasan.

Kepada soalan kedua Ahli Yang Berhormat, memanglah separuh daripada tambahan ini adalah untuk menggantikan guru-guru yang bersara dan juga lebihnya adalah untuk menambah guru-guru yang baru.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan bahawa, dari masa ke semasa, walaupun dalam keadaan sekarang ini Kerajaan tidak mampu untuk melengkapkan kawasan luar bandar dengan Pemaju Masyarakat Bahagian Agama KEMAS, tetapi proses penggantian guru-guru yang bersara, proses pengisian jawatan-jawatan kosong akan juga dibuat oleh Kementerian. Jadi saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah pertimbangan-pertimbangan khusus bagi pengambilan Pemaju-pemaju Masyarakat Agama ini? Adakah ia berdasarkan kepada kelulusan 4 Sanawi Agama, Darjah VI Agama ataupun Darjah Khas Agama sepertimana pengambilan guru-guru untuk mengikuti kursus-kursus perguruan di Maktab Perguruan, ataupun memadai dengan individu yang hanya mempunyai sedikit sebanyak pengetahuan agama sahaja? Dan biasanya apakah peraturan-peraturan lain yang tertentu di dalam Kerajaan membuat proses pengambilan Pemaju-pemaju Masyarakat Agama di dalam negara kita ini?

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya nyatakan sebentar tadi, Kementerian kita memang tidak mampu untuk memenuhi semua permintaan guru-guru agama di

seluruh negara. Kita hanya mampu melantik bilangan guru-guru agama KEMAS seperti yang diluluskan sahaja. Seperti saya nyatakan tadi, kita memang berhasrat untuk menambah guru-guru agama KEMAS ini di seluruh negara. Di antara sebab-sebab, antara perkara-perkara yang mustahak kita mesti adakan ialah permintaan di tiap-tiap kawasan itu betapakah mustahak guru-guru agama ini diadakan dan juga terserahlah kepada beberapa banyakkah peserta-peserta yang akan mengambil bahagian. Mengenai kelulusan guru-guru agama, ini adalah sama dengan kriteria-kriteria yang kita perlukan di mana guru-guru agama Islam KEMAS ini juga diperlukan mengetahui serba sedikit dalam bidang agama ini dan yang lain ialah seperti lulus dalam Sijil SPM atau yang setaraf dengannya.

PUSAT PERNIAGAAN PERNIAGA— PENIAGA KECIL

13. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan berapa banyakkah pusat-pusat perniagaan peniaga-peniaga kecil telah didirikan di sekitar Bandaraya. Apakah bentuk bantuan yang diberi oleh Dewan Bandaraya untuk membantu peniaga-peniaga kecil tersebut.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, sehingga pertengahan tahun 1985 terdapat sebanyak 85 pusat perniagaan untuk peniaga-peniaga kecil yang telah didirikan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di sekitar Bandaraya kita. Pusat-pusat ini boleh menempatkan sebanyak 3,900 unit gerai.

Sejajar dengan dasar Kerajaan menggalakkan aktiviti peniaga-peniaga kecil, Dewan Bandaraya ada

memberikan bantuan dalam beberapa bentuk seperti:

- (i) Pengeluaran lesen niaga dengan syarat-syarat yang tidak begitu ketat.
- (ii) Penyediaan tapak untuk menjaja.
- (iii) Pembinaan gerai-gerai yang sesuai.
- (iv) Mengenakan syarat kepada tuan-tuan tanah dan pemaju-pemaju bangunan yang tinggi supaya menyediakan ruang niaga untuk peniaga kecil. Sehingga kini Dewan Bandaraya telah mengenakan syarat ini kepada 90 buah bangunan di sekitar Kuala Lumpur.
- (v) Memberi khidmat nasihat misalnya, mengenai tapak atau kawasan yang elok untuk berniaga.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa mengambil tindakan untuk memajukan bidang ini dengan mencari jalan bagaimana tempat-tempat berniaga dapat dimajukan dan menjalankan tindakan supaya tempat yang ada berada dalam keadaan yang selamat dan bersih.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar bahawa salah satu masalah yang dialami oleh para peniaga kecil ini ialah untuk mendapatkan lesen untuk berniaga. Dan saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Menteri akan memberikan satu arahan supaya pengeluaran lesen kepada si pemohon dapat dipercepatkan.

Yang kedua ialah sama ada pihak Dewan Bandaraya mempunyai apa-apa rancangan buat masa ini untuk membuka lebih banyak tapak penjaja untuk membantu para penganggur.

Dato Shahrir bin Abdul Samad:

Tuan Yang di-Pertua, soal untuk mendapatkan lesen itu memanglah satu perkara yang harus dijalankan dengan berhati-hati, kerana bukan sahaja setakat kita menyedari bahawa sektor peniaga-peniaga kecil ini merupakan satu sektor yang perlu mendapat perhatian yang serius daripada Kerajaan, lebih-lebih lagi dalam keadaan kemelesetan ekonomi, dan memang sebenarnya Kerajaan selama ini telah menunjukkan satu sikap yang begitu positif kepada peniaga-peniaga kecil. Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan juga dari kawasan-kawasan lain di Wilayah Persekutuan tidak dapat menafikan bahawa sikap Kerajaan atau Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya memanglah selama ini telah dibukti sebagai satu sikap yang positif, sehingga sepertimana mungkin Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum bahawa apabila kita hendak melancarkan Tabung Yayasan Wilayah Persekutuan, inipun sudah mendapat sokongan yang bulat daripada peniaga-peniaga kecil dengan mereka sendiri memberikan sumbangan dan derma kepada sebuah Yayasan yang bakal ditubuhkan untuk Wilayah Persekutuan itu. Jadi dari segi ini jelas menunjukkan bahawa hubungan di antara peniaga-peniaga kecil dan juga pihak Kerajaan begitu baik dan begitu sempurna dan keadaan ini akan diteruskan dengan pertimbangan diberi kepada pihak-pihak yang memohon kiranya terdapat kawasan-kawasan yang sesuai dan terdapat bahawa mereka tidaklah menimbulkan huru-hara ataupun mengotorkan keadaan, bahawa permohonan mereka akan diberi pertimbangan. Tetapi lesen ini bukanlah untuk kita edarkan seperti ikut suka hati kita, ia mestilah melalui proses pertimbangan dan dengan keadaan yang bertanggungjawab, untuk menentukan supaya mereka bukan sahaja dapat berniaga, tetapi

juga dapat berniaga dalam keadaan yang terkawal, yang bersih dan juga selamat.

Soalan rancangan untuk membuka lebih banyak lagi kawasan atau tempat perniagaan ini akan terus diusahakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan di mana sahaja terdapat kawasan-kawasan yang boleh berniaga. Umpamanya di depan Bangunan MCA di Jalan Ampang itu sudahpun menjadi satu kawasan peniaga-peniaga kecil yang begitu popular. Walaupun ia merupakan satu kawasan persendirian, ini menunjukkan satu kesedaran daripada sebuah parti politik untuk membenarkan kawasannya digunakan untuk berniaga oleh pihak-pihak peniaga kecil. Jadi di mana sahaja yang difikirkan sesuai, Kerajaan akan memberikan peluang untuk rakyat kita berniaga dan yang mustahak ialah bagi peluang itu diberikan dengan cara terkawal dan tersusun.

Mengenai langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menstabilkan harga barangan tersebut, jawapan terhadap soalan seperti ini telah saya bantahkan dalam Dewan yang mulia ini pada 19-3-86.

RUMAH KOS RENDAH— MENGSWASTAKAN PROJEK

15. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KAYU-KAYAN/KELAPA SAWIT/ TIN/KOKO—HARGA

14. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan dalam sepanjang enam bulan ini, berapakah peratus penurunan harga-harga kayu-kayan, kelapa sawit, tin dan koko. Apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk menstabilkan harga-harga tersebut supaya rakyat yang terlibat akan terjamin.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, sepanjang enam bulan kebelakangan ini harga kayu balak, minyak kelapa sawit mentah, timah dan koko telah jatuh sementara harga f.o.b. kayu gergaji telah meningkat. Peratus perubahan harga barangan utama tersebut adalah seperti berikut:

<i>Barangan</i>	<i>1985 (Sept)</i>	<i>1986 (Feb)</i>	<i>Peratus Perubahan</i>
	<i>(\$)</i>	<i>(\$)</i>	
Kayu balak	99.4 semeter padu	99 semeter padu	-0.40%
Minyak kelapa sawit mentah	.752.50 satu tan	577.56 satu tan	-23.2%
Biji koko kering	4,860.50 satu tan	4,450.00 satu tan	-8.4%
Timah	30.19 satu kilo	19.56 satu kilo	-35.2%
Kayu Bergergaji	369.90 semeter padu	376.00 semeter padu	+1.6%

menyatakan apakah usaha dan perancangan Kerajaan untuk mengswastakan projek Rumah Kos Rendah supaya ianya benar-benar murah, cepat dan tidak membebankan kos Kerajaan yang banyak.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya menggalakkan pembangunan perusahaan terutamanya jenis kos

rendah secara pengswastaan. Dalam perancangan untuk mengswastakan projek rumah kos rendah, beberapa langkah telah dikenal pasti yang mana Kerajaan Negeri telah dan sedang melaksanakan konsep ini dalam pembinaan perumahan di kawasan-kawasan tertentu. Beberapa kaedah pengswastaan dikenakan dalam projek-projek berkenaan.

Pada asasnya Kerajaan Negeri akan membekalkan tanah yang sesuai untuk projek manakala pihak pemaju atau kontraktor akan menjalankan pembinaan termasuk mengaturkan pembiayaan kewangan projek.

Kementerian saya juga adalah terlibat dalam pengswastaan beberapa projek perumahan kos rendah yang dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Melalui Jabatan Perumahan Negara, Kementerian saya memberi khidmat nasihat dan bantuan teknikal termasuk kerja-kerja pengawasan dan penyeliaan projek.

Memandangkan bahawa projek pengswastaan biasanya dijalankan secara besar-besaran dan boleh juga dilaksanakan secara mixed development, dengan izin, maka pengurangan kos yunit dapat diperolehi melalui faedah ekonomi bidangan, dengan izin, economy of scale dan cross subsidy.

Perlaksanaan projek secara besar-besaran membolehkan projek-projek kecil dicantumkan di bawah satu pengurusan dan mempercepatkan pembinaan unit rumah yang lebih dalam tempoh yang singkat.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa banyak rumah-rumah kos rendah Kerajaan

mengalami masalah susah untuk mendapat bayaran balik daripada pemilik-pemilik rumah kerana mereka anggap hak itu hak Kerajaan dan hak mereka semua. Jadi, adakah Kerajaan bercadang supaya pembayaran balik ini juga tidak diuruskan oleh Kerajaan tetapi diurus oleh bank-bank supaya jika penarikan balik nanti rumah ini tidak akan melibatkan Kerajaan dan mereka yang menganggap bahawa rumah itu merupakan tanggungjawab mereka mesti menjelaskan dan tidak akan mencemarkan imej Kerajaan yang selama ini sebagaimana yang Kerajaan jalankan bahawa bayaran balik ini di bayar oleh Kerajaan ataupun dibayar kepada SEDC atau dibayar kepada badan Kerajaan yang mereka menganggapkan semuanya itu Kerajaan.

Dato S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pada amnya pembayaran balik oleh pembeli-pembeli rumah kos rendah kepada Kerajaan adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, ada juga terdapat di beberapa buah daerah dan juga negeri-negeri peratusan pembeli-pembeli yang tidak menjelaskan pembayaran balik pinjaman ataupun bayaran bagi rumah-rumah kos rendah itu tidak memuaskan. Kita telah pun mengambil segala tindakan-tindakan yang perlu walaupun ada kesan yang baik tetapi masih terdapat beberapa orang yang enggan bayar.

Walaubagaimanapun, sehingga sekarang kita belum lagi menimbang cadangan Ahli Yang Berhormat tentang pembayaran balik itu diuruskan oleh bank. Buat sementara untuk projek-projek yang telah siap perkara ini tidak dapat dibuat tetapi pada masa yang akan datang, khususnya dalam projek pengswastaan perkara ini akan ditimbang.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 7, 8, 16 hingga 30 adalah diberi di bawah ini).

UBAT DI HOSPITAL-HOSPITAL KERAJAAN

3. Tuan Bahari bin Harun minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah keperluan ubat-ubat di hospital-hospital Kerajaan mencukupi; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk membuat sendiri jenis-jenis ubat yang luas dan banyak dipergunakan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):

- (a) Soalan di bahagian pertama itu telah beberapa kali dibangkitkan dan beberapa kali juga telah diberi penerangan.

Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat sukacita saya sekali lagi memberi penjelasan berikut:

Pada amnya, ubat-ubat yang biasa digunakan di Hospital-hospital adalah mencukupi. Jika kekurangan berlaku (ini jarang berlaku) ini adalah disebabkan oleh sistem atau logistik pembekalan. Kementerian Kesihatan adalah sentiasa cuba memperbaiki sistem pembekalan ini. Dalam keadaan kekurangan ubat-ubat, hospital-hospital yang berkenaan adalah juga dibenarkan menggunakan suatu ubat alternatif yang lain ataupun membelinya di pasaran tempatan.

- (b) Kementerian Kesihatan telah pun memproses sendiri ubat-ubat yang banyak digunakan di Institusi-institusi Kerajaan sejak tahun 50'an.

Di masa ini sebanyak 166 jenis butiran diproses secara besar-besaran tiap-tiap tahun di makmal-makmal pengeluaran, Makmal Ubat dan Stor, Petaling Jaya. Jumlah 166 jenis butiran itu bolehlah dikategorikan kepada:

60 jenis ubat-ubat suntik.

68 jenis ubat-ubat cecair dan larutan.

38 jenis ubat-ubat biji.

PROJEK DENGAN EKUITI ASING

7. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan keadaan kemelesetan ekonomi yang berlarutan, berapa buah syarikat-syarikat asing telah melabur dalam Malaysia sepanjang tahun 1985 dan dari segi peratus jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu, adakah ianya meningkat atau menurun.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Sepanjang tahun 1985, sejumlah 625 projek telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Daripada jumlah ini, 78 atau 12.5% sahaja adalah projek-projek dengan ekuiti asing sepenuhnya atau projek-projek usahasama dengan majoriti ekuiti asing.

Bilangan projek-projek yang dimiliki oleh pelabur-pelabur asing telah berkurangan jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, adalah diperhatikan bahawa peratus sejak tahun 1980 hingga 1985 telah menunjukkan aliran yang turun-naik iaitu 1980 (21.1%), 1981 (18.6%), 1982 (13.4%), 1983 (14.1%), 1984 (11.3%) dan 1985 (12.5%).

GETAH ASLI—PENGELUARAN

8. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa peratus getah asli yang dihasilkan digunakan dalam negeri dan apakah usaha yang dibuat supaya penggunaan dalam negeri dapat ditingkatkan.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Daripada jumlah pengeluaran getah asli Malaysia setiap tahun, lebih kurang 4-5% adalah digunakan dalam negeri. Kerajaan telah pun memberi beberapa insentif bagi menggalakkan penggunaan getah asli tempatan di samping meningkatkan lagi pertumbuhan perusahaan-perusahaan yang berasaskan getah. Umpamanya sejak permulaan tahun 1985 lagi kilang-kilang berasaskan getah yang berorientasikan eksport diberikan kadar tarif elektrik yang lebih rendah dan dibenarkan membeli getah dari agensi-agensi Kerajaan seperti FELDA, MARDEC dan RISDA pada harga yang didiskaunkan, supaya mereka dapat bertanding dengan lebih berkesan lagi di pasaran dunia.

Di samping insentif-insentif ini Kerajaan telah menggubal strategi-strategi dan program-program tertentu bagi menggalakkan lagi pembangunan perusahaan berasaskan getah yang mana terdapat di dalam Pelan Induk Perindustrian. Satu Unit Khas iaitu Unit Pasukan Petugas Perindustrian Getah telah ditubuhkan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk membantu mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh sektor industri berasaskan getah di samping mengawasi pelaksanaan program-program yang terkandung di dalam Pelan Induk Perindustrian. Di peringkat teknikal pula Pusat Teknologi Getah RRIM menyediakan kemudahan sokongan yang perlu kepada industri berasaskan getah

manakala MRRDB dan MIDA memberi perkhidmatan nasihat serta bantuan berkaitan dengan perkara-perkara pelaburan dan galakan barangan buatan getah.

SYARIKAT SAN YEK CREDIT— SIASATAN

16. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap Syarikat San Yek Credit (M) Sdn Bhd yang didakwa telah menerima deposit kira-kira \$340,000 daripada nelayan-nelayan dan petani di Sekinchan, Selangor; apakah langkah-langkah yang diambil untuk melindungi kepentingan para nelayan dan petani yang terlibat itu, dan apakah Syarikat tersebut mempunyai lesen untuk mengambil wang deposit daripada orang-orang awam.

Dato' Sabbaruddin Chik: Syarikat San Yek Credit bukanlah satu institusi yang dilesenkan di bawah Akta Kewangan 1969 untuk menerima simpanan dari orang ramai dan oleh itu syarikat ini tidaklah di bawah kawalan Bank Negara.

Walau bagaimana, jika sekiranya sesebuah syarikat disyaki menerima deposit secara haram daripada orang ramai Bank Negara mempunyai kuasa di bawah Akta Kewangan 1969, untuk menyasat syarikat-syarikat ini dan pihak yang bersalah boleh didakwa di Mahkamah.

Dalam kes ini, penyimpan-penyimpan adalah bertanggungjawab sendiri ke atas simpanan-simpanan mereka kerana syarikat ini tidak mempunyai lesen untuk menerima deposit. Bank Negara tidak ada kuasa untuk mendapatkan kembali wang simpanan mereka dari syarikat-syarikat tersebut. Cara untuk mendapatkan kembali wang simpanan tersebut haruslah dibuat melalui proses

perundangan iaitu, dengan membawa perkara tersebut ke pengadilan Mahkamah.

LEMBAGA PENDAFTARAN DAN PELESENAN MINYAK KELAPA SAWIT (PORLA)—PENGELUARAN LESEN

17. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bilakah Kerajaan Pusat telah mengambil alih pengeluaran Lesen Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (PORLA) di Sabah dan bilangan lesen yang dikeluarkan setakat ini di Sabah, jumlah yang masih menunggu dan sama ada beliau sedar kelewatan panjang yang berlaku dalam memberikan kelulusan telah menyebabkan kesusahan dan kerumitan dan nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membaiki keadaan tersebut.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Pengeluaran lesen-lesen oleh Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (PORLA) telah bermula sejak 1hb Mac, 1979 dengan berkuatkuasanya Peraturan-peraturan Perusahaan Minyak Kelapa Sawit (Pelesenan) 1979 pada tarikh tersebut bagi semua negeri di dalam Malaysia termasuk Sabah. Setakat ini, sebanyak 584 lesen telah dikeluarkan di Sabah termasuk 359 lesen yang dikeluarkan kepada pekebun-pekebun kecil. Terdapat hanya 23 permohonan sahaja yang masih menunggu kelulusan dan kesemuanya merupakan permohonan yang diterima dalam bulan Februari dan Mac tahun ini.

Kementerian Perusahaan Utama tidak sedar tentang wujudnya kelewatan panjang di dalam memberikan kelulusan ke atas permohonan-permohonan untuk mendapatkan lesen. Walau bagaimanapun, PORLA adalah

sentiasa memberikan perhatian kepada perlunya urusan pemerosesan dan pengeluaran lesennya dipermudah dan dipercepatkan. Di dalam hubung ini, beberapa langkah telah diambil oleh Lembaga termasuklah:

- (i) menurunkan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk meluluskan semua permohonan daripada pekebun-pekebun kecil, meluluskan sebarang tambahan kepada aktiviti atau aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pemegang lesen dan meluluskan permohonan-permohonan untuk membesarkan keupayaan kilang memproses buah kelapa sawit.
- (ii) melanjutkan tempoh masa pembaharuan lesen-lesen pekebun kecil, ladang dan kilang buah kelapa sawit kepada 3 tahun; dan
- (iii) mengurangkan syarat mendapatkan surat sokongan kepada satu atau dua sahaja.

Usaha-usaha ini memerlukan kerjasama daripada pihak pemohon-pemohon lesen dan di dalam hubungan ini mereka boleh memainkan peranan dengan:

- (i) memastikan permohonan-permohonan yang dibuat adalah teratur dan lengkap;
- (ii) menjelaskan yuran lesen dengan segera untuk membolehkan lesen dikeluarkan;
- (iii) menjalankan urusan surat-menyurat secara hantaran ekspres; dan
- (iv) berhubung segera dengan Pejabat Wilayah Sabah/Sarawak PORLA, jika ada urusan atau masalah.

Sekiranya Yang Berhormat mempunyai masalah-masalah khusus yang sehingga kini belum dapat dijelaskan, harap kemukakan kepada PORLA dan salinannya kepada Kementerian saya supaya ianya dapat dipertimbangkan.

PERKHIDMATAN UDARA MALAYSIA CHINA

18. Dato Michael Chen Wing Sum minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memperluaskan perkhidmatan kapal terbang ke Negeri China memandangkan kepada faktor bahawa bertambahnya pelawat-pelawat dan ahli perniagaan yang kini pergi ke Negeri China dan jika ya, bila.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkhidmatan udara dua hala di antara negara-negara biasanya diadakan melalui perjanjian perkhidmatan udara yang dipersetujui oleh Kerajaan-kerajaan yang berkenaan. Pada masa ini tidak terdapat perjanjian yang berkenaan di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China, walaupun kemungkinan untuk mengadakan perjanjian serupa ini sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan. Dalam hal ini juga sukalah saya memaklumkan bahawa MAS sedang mengkaji kemungkinan untuk mengadakan perkhidmatan ke Negeri China untuk menentukan sama ada perkhidmatan tersebut adalah "viable" atau tidak. Kajian tersebut akan berdasarkan kepada permintaan dan laluan trafik penumpang di antara Malaysia dan Negeri China.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perhubungan yang wujud di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China sekarang adalah berasaskan perhubungan antara "Kerajaan dengan Kerajaan" sahaja.

Walaupun demikian, rakyat Malaysia yang berpeluang untuk melawat Negeri China setelah mendapat kebenaran pihak berkuasa-pihak berkuasa boleh menaiki pesawat MAS untuk membuat penerbangan ke Hong Kong atau ke Jepun terlebih dahulu. Mereka kemudiannya boleh melanjutkan penerbangan ke Negeri China dengan pesawat-pesawat yang berlepas ke sana dari negara-negara tersebut.

DISKRIMINASI ATAS KENAIKAN PANGKAT

19. Dr Koh Tsu Koon minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak bahawa terdapat ketidakpuasan di kalangan setengah pegawai-pegawai Kerajaan mengenai pilih kasih atau diskriminasi yang berdasarkan kaum, agama, pertalian politik atau perhubungan perseorangan dalam hal kenaikan pangkat, pemberian cuti belajar dan faedah-faedah lain dalam Jabatan-jabatan Kerajaan. Apakah saluran-saluran yang sah di mana seseorang pegawai yang tidak puas itu boleh mengadu dan mendapatkan pembetulan dan keadilan. Bagaimanakah beliau boleh diberi jaminan bahawa beliau tidak akan didenda atau dimangsakan kerana membuat aduan sedemikian.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Setakat ini saya tidak sedar adanya perasaan tidak puashati dikalangan pegawai Kerajaan oleh sebab dikatakan diskriminasi dalam hal kenaikan pangkat, cuti belajar dan faedah-faedah lain. Semua urusan Kerajaan dilakukan mengikut peraturan dan kriteria yang ditetapkan, misalnya urusan kenaikan pangkat atau pemberian biasiswa. Mereka yang mempunyai merit atau kebolehan yang tinggi akan dipilih oleh Lembaga Temuduga yang berkenaan. Bagi mereka yang gagal dalam sesuatu urusan, pihak tersebut bolehlah

mengemukakan rayuan kepada Lembaga Rayuan yang diwujudkan. Saya ingin menambah bahawa mana-mana kakitangan boleh mengemukakan aduan atau masalahnya kepada pihak atasan, dan mereka tidak dijadikan mangsa atas perkara rayuan.

BIJIH TEMBAGA DAN EMAS— KAJIAN

20. Tuan Mohd. Yussof bin Haji Yakob minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada benar terdapat bijih tembaga dan emas di beberapa kawasan tertentu di Sabah. Kalau benar, apakah sudah ada kajian dibuat dan sejauhmana iainya dilaksanakan.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Usaha-usaha menjelajah dan mencarigali yang dijalankan oleh Jabatan Penyiasatan Kajibumi di Sabah menunjukkan terdapat mineralisasi bijih tembaga dan emas di beberapa kawasan tertentu di negeri tersebut. Maklumat-maklumat awal yang diperolehi itu masih alam kajian Jabatan berkenaan bagi menentukan jenis, luas, potensi dan nilai ekonomik enapan yang dijumpai itu. Usaha-usaha ini memakan masa dan tempoh yang lama. Di sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Keempat, rancangan-rancangan mencarigali terperinci dan penilaian am telah dijalankan oleh Jabatan berkenaan di Sabah, dengan kerjasama di bawah rancangan bantuan teknikal Kerajaan Republik Persekutuan Jerman dan Kerajaan Jepun. Program ini akan diteruskan lagi di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

PASARAN SAHAM—NILAI

21. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan apakah perhatian dan program serta

strategi Kerajaan ke arah menjamin dan mengekalkan nilai saham di pasaran saham dalam negeri sekarang agar tidak jatuh ke paras yang terendah dari nilai harga yang pernah berlaku sekarang.

Dato' Sabbaruddin Chik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan-soalan yang serupa telah dikemukakan beberapa kali di dalam Dewan ini, iaitu pada 11-3-1986, 12-3-1986, 18-3-1986 dan 31-3-1986 masing-masing oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sandakan, Kepong, Seremban dan Ulu Muda. Oleh itu saya tidak bercadang mengulangi jawapannya.

PILIHANRAYA PRESIDEN DI FILIPINA

22. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Luar Negeri menyatakan bagaimana keputusan pilihanraya presiden yang diadakan di Filipina baru-baru ini akan menjejaskan masa depan dan kestabilan konsep ASEAN dan sama ada Kerajaan Malaysia telah memperkukuhkan pertahanan kita di sempadan Sabah/Filipina untuk mencegah apa-apa konflik yang timbul ekoran pilihanraya presiden di Filipina.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, pergolakan politik dan krisis di Filipina berikutan pilihanraya presiden pada 7hb Februari telah berakhir pada 26hb Februari, apabila Presiden Marcos telah terpaksa meninggalkan Filipina dan Puan Corazon Aquino telah diterima sebagai Presiden Filipina. Beliau telah menubuhkan satu Kerajaan baru dan menamakan ahli-ahli kabinet seramai 18 orang. Malaysia bersama negara-negara ASEAN dan negara-negara lain telah mengiktirafkan Kerajaan baru Filipina di bawah pimpinan Puan Aquino.

Malaysia bersyukur kerana krisis di Filipina telah berakhir tanpa pertumpahan darah yang buruk dan huru-hara akibat persengketaan di antara pihak-pihak tentera. Kita yakin bahawa Kerajaan baru yang mempunyai sokongan besar rakyat Filipina sudah tentu akan dapat menumpukan perhatian penuh dalam usahanya untuk mengatasi berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh negara-negara tersebut. Malaysia juga berharap bahawa penubuhan Kerajaan baru di Filipina akan mengukuhkan lagi aspirasi ASEAN bagi menjamin kemakmuran dan kestabilan rantau ini. Kita juga berharap agar hubungan dua hala akan dapat dipertingkatkan dengan Filipina di bawah Kerajaan baru.

SPEED LIMIT DEVICE SYSTEM— KUATKUASA

23. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah Kementerian beliau memperkembangkan syarat "Speed Limit Device System" ke Sarawak dan Sabah, kerana lori-lori yang dipandu dan berjalan dengan laju berlebihan merbahaya sangat, bukan di Semenanjung sahaja tetapi di Sarawak dan Sabah juga.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Kementerian Pengangkutan pada masa sekarang ini belum bercadang untuk memperluaskan penguatkuasaan Undang-undang, Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan, Peralatan dan Penggunaan) (Alat Amaran Had Laju) 1985 ke Sabah dan Sarawak. Kementerian ini sedang membuat kajian menyeluruh mengenai pelaksanaan pemasangan alat amaran had laju ini dan sebaik sahaja ianya dapat berjalan dengan lancarnya di Semenanjung, Kementerian akan mempertimbangkan pelaksanaannya di Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan utama pelaksanaan sistem ini ialah untuk mengurangkan kelajuan kenderaan perdagangan di samping menyedarkan pemandu-pemandu berkenaan bahawa kelajuan adalah satu sebab berlakunya kemalangan jalanraya yang membawa muat. Yang demikian pemasangan alat amaran had laju akan mengingatkan pemandu-pemandu mengawal kelajuan kenderaan yang dipandunya.

CERAMAH BERUNSUR POLITIK KEAGAMAAN—KEBENARAN

24. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa parti-parti Pembangkang khususnya PAS sedang bermaharajalela memberi ceramah-ceramah tersebut membangkitkan masalah Memali dan juga membangkitkan isu-isu menentang Kerajaan serta menyebarkan risalah-risalah "Amanat Haji Hadi". Bahkan terdapat semasa mereka mengadakan ceramah-ceramah, mengadakan pengawal-pengawal yang bersenjata senjata-senjata yang merbahaya. Jika sedar, apakah langkah-langkah serta tindakan beliau supaya kejadian seumpama itu tidak berlaku lagi.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Kerajaan sedar ada pihak-pihak tertentu yang mengadakan ceramah-ceramah tanpa mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa. Ceramah-ceramah yang berunsur politik keagamaan itu bertujuan menghasut rakyat supaya menentang Kerajaan dengan membangkitkan isu-isu sensitif seperti Peristiwa Memali serta menyebarkan risalah-risalah tertentu. Untuk makluman Yang Berhormat siasatan mengenai perkara ini sedang dijalankan dan tindakan undang-undang akan diambil ke atas mereka yang terlibat jika terbukti kesalahannya.

**REVOLUSI MENTAL/BUKU
MERAH/BUKU HIJAU/
RUKUN NEGARA—KONSEP**

25. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menerangkan setakat mana penekanan Kerajaan kepada konsep-konsep Revolusi Mental, Buku Merah, Buku Hijau, Rukun Negara. Adakah beliau sedar, bahawa konsep-konsep ini sudah dilupai rakyat dan kurang ditekankan oleh Kerajaan sekarang.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Konsep-konsep dan prinsip yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, iaitu "Revolusi Mental", "Buku Merah", "Buku Hijau", dan "Rukun Negara" sememangnya diamal dan diberi tumpuan oleh kerajaan. Perlaksanaan konsep-konsep ini adalah mengikut keadaan dan keperluan semasa.

Misalnya konsep "Rukun Negara" adalah menjadi teras dan panduan dalam rancangan pembangunan negara dan dalam usaha membina semangat nasionalisme rakyat yang seterusnya adalah untuk menjamin keutuhan negara.

Begitulah juga halnya dengan "Revolusi Mental", Kerajaan sentiasa berusaha dan menggalakkan rakyat menghayati dan mengamalkan dalam kehidupan seharian supaya membentuk sikap, semangat dan fikiran yang positif dan yang boleh mempertingkatkan produktiviti dan menjayakan rancangan-rancangan pembangunan negara.

"Buku Merah" adalah juga konsep yang diperkenalkan dahulu dalam usaha pembangunan negara terutamanya pembangunan di luar bandar iaitu untuk memperbaiki kehidupan sosial dan ekonomi penduduk luar bandar dan mengurangkan ketidakseimbangan

ekonomi di antara kawasan bandar dan luar bandar. Konsep ini adalah terus dilaksanakan dari dahulu hingga sekarang seperti mana yang diberikan keutamaannya dalam tiap-tiap rancangan-rancangan 5 tahun Malaysia.

Berhubung dengan pembangunan ekonomi luar bandar, konsep "Buku Hijau" telah pun diubahsuai dengan dasar Pertanian Negara yang memberi tumpuan kepada penanaman secara ladang berkelompok dan diusahakan dalam Konteks Skim Pemasaran Sayuran Bersepadu. Di samping itu di peringkat negeri telah diperkenalkan Rancangan Amalan dan Pemakanan (RAMP) yang menumpukan kepada perusahaan dusun buah-buahan dan sayur-sayuran.

Akhirnya, ingin saya jelaskan bahawa sekiranya diteliti betul-betul kita akan nampak bahawa konsep-konsep dan prinsip-prinsip yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dikekalkan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

PENAGIH DADAH

26. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah benar bilangan penagih-penagih dadah berkurangan 50% dan jika ya; apakah satu-satu alasan yang boleh meyakinkan bahawa angka yang tersebut;
- (b) berapa banyakkah dadah-dadah yang dirampas sejak tahun bermula penubuhan jawatankuasa Petugas Anti Dadah, dan adakah dadah-dadah yang dirampas dimusnahkan serta-merta ataupun disimpan, jika disimpan hingga berapa lama dan adakah

terjamin yang dadah-dadah yang tersimpan itu tidak dicuri oleh orang-orang yang tidak disangkai; dan

- (c) apakah faedah dan tujuan dadah-dadah pernah ditunjukkan dalam mana-mana Pamiran seperti pernah dipamirkan di dalam Bangunan Parlimen ini sendiri, adakah Kerajaan telah mengkaji tentang di sebalik baiknya ada kemungkinan tak baiknya.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:

- (a) Jumlah kesemua penagih-penagih yang telah dikesan sejak tahun 1970 hingga akhir tahun lalu (1985) adalah seramai 110,363 orang. Daripada perangkaan yang ada, adalah didapati bahawa jumlah penagih yang dikesan buat pertama kalinya telah menurun selepas tahun 1983 iaitu dari jumlah seramai 14,624 orang penagih dalam tahun 1983 kepada 11,915 orang penagih dalam tahun 1984 dan menurun kepada 6,138 orang penagih dalam tahun 1985. Ini menunjukkan bahawa jumlah penagih yang dikesan buat pertama kali dalam tahun 1985 telah menurun hampir 50% jika dibandingkan dari tahun sebelumnya (1984).

- (b) Sejak Jawatankuasa Anti Dadah, Majlis Keselamatan Negara ditubuhkan dalam tahun 1983 dadah yang dirampas mengikut jenis adalah seperti berikut:

	<i>Jumlah dari tahun 1983-1985</i>
Candu Mentah ..	1,601.16 kg.
Candu Masak ..	59.43 kg.
Morfin	18.62 kg.

*Jumlah dari tahun
1983-1985*

Heroin	500.05 kg.
Ganja	2,420.07 kg.
Pil Psikotropik ..	59,743 biji.

Dadah-dadah yang dirampas tidak dimusnahkan serta-merta tetapi dihantar dengan seberapa segera kepada pihak Jabatan Kimia untuk tindakan mereka. Setelah disahkan oleh Jabatan Kimia, dadah ini kemudiannya disimpan oleh pihak Polis sebagai barang kes (exhibit) di dalam pendakwaan percabaran mahkamah. Dadah ini akan disimpan sehinggalah kes-kes yang berkaitan dengannya selesai pembicaraannya di mahkamah. Dadah ini hanya akan dimusnahkan setelah semua pembicaraan sehingga ke peringkat rayuan kepada Jawatankuasa Pengampunan selesai di laksanakan. Dadah ini dimusnahkan dengan cara dibakar.

Semua dadah dalam simpanan Polis adalah dimeteri dan disimpan oleh pihak Polis di dalam Bilik Kebal. Pemeriksaan ke atas dadah-dadah ini dilakukan sekali dalam sebulan oleh Pegawai-pegawai Kanan Polis bagi menentukan bahawa ianya di dalam keadaan selamat. Selain dari ini pemeriksaan mengejut juga dilakukan dari masa ke semasa.

- (c) Dalam usaha-usaha pencegahan dadah, kerajaan mengharapkan penglibatan semua pihak—kumpulan-kumpulan masyarakat, badan-badan/pertubuhan sukarela, badan-badan swasta, dan kumpulan-kumpulan ibubapa. Tindakan Anti Dadah yang dijalankan oleh mereka akan lebih berkesan sekiranya

mereka sendiri mengetahui apakah itu dadah—bentuknya, jenis-jenisnya dan alat-alat yang digunakan oleh penagih-penagih. Kita mengharapkan kumpulan-kumpulan ini, termasuk kumpulan ibubapa dapat memberi amaran keras kepada anak-anak mereka terhadap bahaya dan kerosakan yang boleh didatangkan oleh dadah. Tetapi sebelum ibubapa boleh mengajar anak-anak mereka mengenai bencana dan akibat buruk dadah itu, mereka perlu mengetahui tentang dadah itu sendiri. Dengan itu bolehlah mereka mengambil langkah-langkah awal untuk mencegah penggunaan dadah dikalangan anak-anak mereka sekiranya terjumpa dadah atau alat-alat tersebut dalam simpanan anak-anak mereka. Kerajaan walau bagaimanapun sedar bahawa disebalik kebajikannya, mungkin ada keburukannya seperti boleh menimbulkan daya tarikan (curiosity) kepada golongan muda untuk mencuba-cuba. Walau bagaimanapun di dalam satu-satu pamiran yang ada mempamirkan dadah, penjelasan tentang bahaya dadah adalah ditunjukkan/diberikan oleh pegawai-pegawai penerangan/Polis yang mengendalikan pamiran tersebut. Contoh-contoh dadah yang dipamirkan itu adalah sentiasa dalam kawalan rapi pegawai penjaganya yang terdiri daripada anggota Cawangan Anti Dadah, Jabatan Polis Di Raja Malaysia. Kawalan juga diadakan bagi memastikan dadah yang dipamirkan itu tidak disalahgunakan. Disamping itu juga pamiran yang menunjukkan berbagai jenis dadah hanya ditunjukkan kepada sesuatu kumpulan sasar tertentu. Mempamirkan dadah

kepada kanak-kanak sekolah, adalah tidak digalakkan langsung.

KEMUDAHAN SUKAN

27. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah bentuk-bentuk kemudahan sukan yang disediakan untuk Rancangan Malaysia Kelima dan sebutkan berapakah jumlah peruntukan dan tempat-tempat yang dicadangkan mengikut negeri; dan
- (b) apakah insentif-insentif kepada olahragawan-olahragawan kita yang diberi oleh Kerajaan bagi menjamin prestasi dan mutu kesukanan dapat diperbaiki dari masa ke semasa khususnya di lapangan sukan peringkat antarabangsa.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud):

- (a) Kemudahan-kemudahan sukan yang disediakan meliputi sukan-sukan seperti bola sepak, hoki, olahraga, badminton, tenis, sepak takraw, bola tampar, bola jaring, bola keranjang dan renang. Pembinaan kemudahan-kemudahan sukan tersebut dilakukan melalui program kemudahan sukan luar bandar dan juga peningkatan kemudahan sukan di Tapian Gelanggang negeri-negeri.

Peruntukan yang telah diluluskan bagi Rancangan Malaysia Kelima untuk sukan ialah seperti berikut:

- (i) *Tapian Gelanggang Negeri-negeri*
Johor (\$0.61j), Kedah

(\$0.68j), Kelantan (\$2.86j), Melaka (\$1.25j), Negeri Sembilan (\$1.62j), Pahang (\$0.67j), Pulau Pinang (\$0.99j), Perak (\$1.24j), Perlis (\$0.40j), Terengganu (\$1.02j) dan Sarawak (\$1.16j).

(ii) *Kemudahan Sukan Luar Bandar*

Johor (\$1.49j), Kedah (\$3.30j), Kelantan (\$1.24j), Melaka (\$1.73j), Negeri Sembilan (\$1.41j), Pahang (\$1.00j), Pulau Pinang (\$1.40j), Perak (\$1.00j), Perlis (\$1.05j), Terengganu (\$0.71j), Selangor (\$1.31j), Sabah (\$0.89j), Sarawak (\$1.20j) dan Wilayah Persekutuan (\$1.00j).

Selain daripada kemudahan-kemudahan di atas Kerajaan juga mempertingkatkan kemudahan-kemudahan sukan di Pusat Sukan Kampung Pandan, Kuala Lumpur (\$13.05j), Stadium Dato' Sheikh Ahmad, Perlis (\$0.51j), Stadium Darul Makmur, Kuantan (\$0.42j), Stadium Darulaman, Kedah (\$5.64j), Stadium Larkin, Johor Bharu (\$4.47j) dan Komplek Sukan/Stadium Paroi, Negeri Sembilan (\$21.5j).

- (b) Kerajaan melalui Majlis Sukan Negara mempunyai beberapa program yang bertujuan untuk memberi insentif kepada athlit-athlit kita terutama sekali kumpulan elit iaitu mengambil bahagian di kejohanan-kejohanan sukan antarabangsa, sebagai satu usaha mempertingkatkan mutu kesukanan dan pencapaian athlit-athlit yang berkenaan.

Satu program yang positif ialah Skim Perangsang Ahli Sukan (SPAS) yang telah dilancarkan pada 15 Julai 1982. Skim ini bertujuan untuk membantu ahli sukan elit bagi menjalani latihan ke arah mencapai prestasi cemerlang dalam sukan antarabangsa iaitu dengan mengeluarkan bantuan kewangan untuk memenuhi perbelanjaan, makanan bermutu, alat-alat sukan, tambang-menambang dan sebagainya. Ia juga termasuk pampasan sebab hilang pendapatan ketika menjalani latihan dan bantuan pelajaran (tuition). Di samping itu, Majlis Sukan Negara bersama-sama dengan persatuan sukan kebangsaan merancang dan melaksanakan satu program tiap-tiap tahun untuk memberi latihan dan pendedahan luar negeri kepada athlit-athlit elit dan yang berpotensi. Latihan di luar negeri ini yang disusul bersama-sama dengan pendedahan iaitu mengambil bahagian dalam kejohanan-kejohanan di negara-negara yang berkenaan dan bersaing dengan athlit-athlit terkenal antarabangsa.

Program latihan sepanjang tahun dalam negeri juga diadakan sebagai membantu athlit-athlit terutama yang berpotensi mempertingkatkan prestasi dan mutu sukan mereka iaitu dengan mengadakan latihan di "Pusat Cemerlang". Konsep latihan di Pusat Cemerlang ini ialah menjalankan latihan yang berprogram dan berstruktur bagi athlit-athlit yang berkenaan di bawah jurulatih sepenuhnya atau separuh masa dengan diadakan kemudahan-kemudahan atau alat

kelengkapan sukan. Program ini juga dijalankan dengan kerjasama persatuan sukan kebangsaan persatuan sukan negeri dan Majlis Sukan Negeri.

Pada tiap-tiap tahun Kerajaan juga mengadakan penyampaian Anugerah Sukan Negara yang mengandungi beberapa jenis anugerah yang bertujuan untuk, selain daripada menghargai khidmat dan pencapaian mereka yang cemerlang memberi inisiatif dan menggalakkan supaya mereka mempertingkatkan dan memajukan lagi pencapaian mereka. Hadiah-hadiah bagi kesemua jenis anugerah berjumlah kira-kira \$44,000 setahun.

Selain daripada usaha-usaha yang tersebut di atas, Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kelima bersetuju memberi peruntukan sebanyak \$5 juta untuk satu program di mana athlit-athlit elit dan yang berpotensi, jurulatih-jurulatih dan pegawai-pegawai lain diambil bekerja sepenuh masa dengan Majlis Sukan Negara untuk menjalani latihan dan pertandingan serta bekerja mengikut program yang disediakan oleh Majlis Sukan Negara dengan kerjasama Persatuan Sukan Kebangsaan. Di bawah program ini mereka yang berkenaan akan ditukar atas dasar pinjam sementara daripada jawatan-jawatan asal dan apabila mereka tidak lagi menunjukkan kemajuan akan dihantar balik bekerja di tempat asal. Bagaimanapun, rancangan ini akan diadakan peringkat demi peringkat dan akan dimulakan dengan satu projek printis mulai tahun ini.

MAJIKAN MEMBUANG PEKERJA

28. Tuan Haji Mohd. Zain Abdullah minta Menteri Buruh menyatakan sejauh manakah usaha-usaha Kerajaan untuk menolong menyekat berlakunya pembuangan pekerja-pekerja oleh setengah-setengah majikan, yang sebahagiannya mengambil kesempatan tidak mengalami kerugian tetapi hanya kurang keuntungan. Berapa ramai pekerja yang telah diberhentikan sehingga 31hb Disember 1985, dan berapa ramai pula yang dapat diselamatkan (bekerja semula di tempat asal atau di syarikat-syarikat yang lain). Sejauh manakah peraturan-peraturan dengan tanggungjawab majikan yang terlibat telah dipatuhi dengan sepenuhnya dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap majikan yang gagal mematuhi peraturan itu.

Menteri Buruh (Dato' Lee Kim Sai): Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa ada majikan yang membuang pekerjaanya tanpa alasan atau sebab-sebab yang munasabah. Sekiranya berlaku sebarang penindasan oleh pihak majikan, pekerja-pekerja yang terlibat ataupun kesatuan sekerja mereka berhak melaporkan perkara tersebut kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan di bawah Kementerian saya yang mana akan menyiasat dan jika perlu akan mengeluarkan arahan kepada majikan untuk menggajikan semula pekerjaanya. Selain dari itu, Pasukan Petugas mengenai pemberhentian kerja di peringkat Negeri telah ditubuhkan dengan tujuan untuk memperlancarkan proses pembuangan kerja. Ia juga bertanggungjawab untuk menentukan bahawa tindakan tersebut hanya diambil sebagai langkah terakhir demi untuk menyelamatkan perniagaan mereka selaras dengan kehendak Tatacara Keharmonian Perindustrian

yang telah dipersetujui oleh Kerajaan, majikan dan pekerja pada tahun 1975. Pasukan-pasukan Petugas tersebut juga menyelaraskan segala usaha untuk menyediakan latihan dan latihan semula untuk pekerja-pekerja yang telah diberhentikan.

Bilangan pekerja yang telah diberhentikan sehingga 31-12-1985 ialah seramai 43,844 orang. Mengenai bilangan pekerja yang dapat ditempatkan semula ditempat asal atau di syarikat-syarikat lain pula, angka terbaru yang dapat diperolehi oleh Kementerian saya ialah 240 orang sahaja. Bagi menjaga kebajikan dan kepentingan pekerja-pekerja yang diberhentikan, Kementerian saya sentiasa memastikan supaya semua faedah-faedah rentikerja yang diwajibkan di bawah Akta Kerja 1955 ataupun di bawah perjanjian bersama dibayar dengan sepenuhnya. Sepanjang tahun 1985, tidak kurang daripada \$43 juta telah dibayar sebagai pampasan kepada pekerja-pekerja oleh majikan-majikan yang terpaksa melakukan pemberhentian pekerja.

(Soalan No. 29. Sila lihat Jawapan No. 10 pada 24-3-86)

PENGISYTIHARAN ASET/ KELUARGA PERDANA MENTERI

30. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedia mengisytiharkan aset-asetnya dan juga keluarganya bukan sahaja untuk menunjukkan teladan kepimpinan tetapi juga untuk membenteras khabar-khabar angin yang beliau telah menyatakan telah menuduhnya sebagai salah seorang yang terkaya sekali dalam dunia.

Dato' Mohamad Khalil bin Yaakob: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat pengisytiharan aset sama seperti anggota-anggota

Kerajaan yang lain mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

USUL

PENGGANTUNAN KUATKUASA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, di bawah Peraturan Mesyuarat 90, saya mohon mencadangkan usul berikut:

Bahawa Peraturan Mesyuarat 67 (5) dengan ini digantung untuk membolehkan Dewan ini meneruskan pertimbangannya hari ini ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985) dan Usul Pembangunan (Tambahan) di peringkat dasar sehingga Rang Undang-undang tersebut dibacakan kali yang kedua dan Usul berkenaan dipersetujui untuk diedarkan kepada Jawatankuasa seluruh Dewan.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 90, saya izinkan pembentangan usul tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan dan disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Peraturan Mesyuarat 67 (5) dengan ini digantung untuk

membolehkan Dewan ini meneruskan pertimbangannya hari ini ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985) dan Usul Pembangunan (Tambahan) di peringkat dasar sehingga Rang Undang-undang tersebut dibacakan kali yang kedua dan Usul berkenaan dipersetujui untuk diedarkan kepada Jawatankuasa seluruh Dewan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1985)

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (2hb April, 1986).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2) 1985

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat

ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$1,508,889,932 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1985, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1986 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua:
Dijemput Yang Berhormat
Timbalan Menteri Kewangan
menyambung jawapan.

3.38 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan sebelum tamat mesyuarat semalam, kita tidak akan berbelanja dengan sewenang-wenangnya walaupun di dalam keperluan pertahanan. Maka itu, Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita membeli empat buah MCMV yang mana sebahagian daripadanya telah pun kita dapati sekarang ini tidaklah bererti bahawa kita membeli vesel-vesel ini untuk bermegah-megah tetapi benar-benar bagi keperluan pertahanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu juga telah menyebut tentang B. 33, tetapi rasa saya perkara ini telah pun saya nyatakan iaitu keperluan ini adalah untuk menambah modal kepada Lembaga Padi dan Beras Negara untuk membeli padi tempatan.

Menyentuh sedikit tentang hujah-hujah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda yang meminta supaya Kerajaan tidak membuat peruntukan-peruntukan tambahan oleh kerana mengikut Yang Berhormat dari Ulu Muda, dengan adanya permohonan tambahan ini bererti unjuran ataupun perancangan yang dibuat oleh Kerajaan tidak begitu tepat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda dan seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kuching yang mana saya berterima kasih kepadanya, bahawa amalan mendapatkan peruntukan ini adalah amalan biasa dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda seterusnya permohonan yang kita minta ini dalam lingkungan \$3 billion adalah kira-kira 10% sahaja daripada keseluruhan perbelanjaan 1985 yang berjumlah kira-kira \$30 billion di dalam Belanjawan yang dibentangkan dalam tahun 1984.

Yang Berhormat dari Ulu Muda juga telah menyebut.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat?

Dr Tan Seng Giaw: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat minta jalan. Silakan.

Dr Tan Seng Giaw: Mengenai dengan peruntukan-peruntukan yang disebutkan tadi, saya dapati jawapan Yang Berhormat terutamanya semalam, daripada Penyata Rasmi Parlimen sekarang, nampaknya dia kata hutang itu \$20 billion untuk luar negeri. Ini saya anggap ialah satu angka yang salah. Saya berharap Yang Berhormat dapat membetulkan angka

seperti ini, sebab kalau menurut Bank Negara, hutang luar negeri ialah \$40.2 billion.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya akan check semula angka seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat dari Kepong. Boleh saya teruskan, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato Sabbaruddin Chik: Seperti saya katakan tadi, Yang Berhormat dari Ulu Muda telah menyentuh tentang kegunaan gas bagi keperluan orang ramai termasuk menyalurkan gas ke rumah-rumah. Insya Allah, saya rasa pihak yang berkenaan khususnya PETRONAS, kalau tidak sedang membuat kajian yang teliti, akan membuat kajian supaya perkara ini akan menjadi reality dalam beberapa tahun yang akan datang.

Yang Berhormat dari Ulu Muda juga menyentuh tentang pembelian komputer bagi Keretapi Tanah Melayu. Sukalah saya memaklumkan bahawa komputer ini sebenarnya untuk menjalankan beberapa implikasi bukan sahaja untuk personnel system seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Ulu Muda ertinya berkaitan hanya dengan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bekerja dengan KTM tetapi juga untuk beberapa aplikasi yang lain, misalnya sistem akaun dan kewangan. Ini termasuk juga bayaran gaji dan sebagainya dan juga bagi sistem penyelenggaraan, dengan izin, mechanical, electrical dan sistem-sistem yang ada menggunakan komputer sekarang tetapi perlu diperbaiki lagi memandangkan bertambahnya maklumat-maklumat yang perlu disimpan di dalam komputer ini. Ini termasuk misalnya kawalan setor dan juga kawalan tiket serta tempahan tiket.

Yang Berhormat dari Petaling telah menyentuh beberapa perkara, tetapi saya rasa tiada apa yang hendak dijawabkan kerana kebanyakan daripada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Petaling sebenarnya tidak kena mengena dengan permohonan tambahan ini. Banyak perkara yang dibincangkan oleh Yang Berhormat dari Petaling ialah berkenaan dengan peruntukan tanda sahaja. Jadi saya rasa tidak perlu saya beri penerangan di sini selain daripada apa Yang Berhormat berkenaan mengatakan bahawa tender-tender hanya diberi kepada Jepun dan Korea. Ini pun sebenarnya tiada kaitan dengan permohonan Belanjawan Tambahan ini. Tetapi saya mengambil kesempatan ini untuk menerangkan kepada Yang Berhormat dari Petaling bahawa tender-tender seperti yang kita amalkan di Kementerian Kewangan, penender-pender dari dalam negeri biasanya diberi keutamaan hingga ke paras 20%. Ertinya sekiranya penender daripada dalam negeri mahal sedikit daripada penender luar negeri, masih lagi diberi kepada penender dalam negeri. Tetapi sekira angkanya agak berbeza sekali, maka untuk menyelamatkan wang yang begitu banyak yang ditanggung oleh Kerajaan, kita beri jugalah kepada penender-pender luar negeri.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada wakil dari Pasir Puteh yang mana saya rasa telah membuat satu pandangan yang begitu tepat dan sesuai sekali di mana di bawah B. 2 di dalam Kertas Perintah 11/1986 yang mana kita terpaksa memohon peruntukan sebanyak \$183,200. Ini hanyalah khusus untuk mengadakan Mesyuarat Raja-Raja pada bulan Disember 1984 bagi membincangkan hal kafir mengkafir sesama Islam, yang mana Yang Berhormat dari Pasir Puteh semalam mengatakan, patutnya pihak yang

berkenaan, khususnya PAS di sini, membayar wang ini, sebab merekalah yang menimbulkan perkara ini. Dengan itu, saya sekali lagi berterima kasih kepada semua yang telah mengambil peranan di dalam membincangkan usul ini dan saya kira itu sahajalah yang dapat saya perkatakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah ini sekarang bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$1,508,889,932 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1985, untuk menampung sejumlah \$1,508,889,932 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran

Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 tahun 1986 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$2,099,509,560 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1985 bagi Maksud-maksud Bekalan B. 2, B. 5, B. 13, B. 29, B. 30, B. 33, B. 35, B. 38, B. 45, B. 48, dan B. 61 untuk Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$1,508,899,932 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan (Bil. 2), 1985 bagi Maksud-maksud Pembangunan P. 13, P. 18, P. 19, P. 21, P. 23, P. 25, P. 28, P. 36, P. 40, P. 45, P. 47, P. 48, P. 51, P. 52, P. 57 dan P. 61 hingga P. 63 untuk Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam Penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1986 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menerangkan keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun 1985 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 1985. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga diberi dalam

Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11 tahun 1986 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1985 dan Kertas Perintah 13 Tahun 1986 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1985. Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Maksud B. 2 dan B. 5 (Jadual)—

Tuan Pengerusi: Maksud Bekalan B. 2 dan B. 5 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas.

Sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$183,200 untuk Maksud B. 2 dan \$1,034,100 untuk Maksud B. 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B. 13 (Jadual)—

Maksud P. 13 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985)—

Tuan Pengerusi: Maksud Bekalan B. 13 dan Maksud Pembangunan P. 13 di bawah Kementerian Kehakiman terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

3.55 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1985 di bawah Maksud P. 13 mengenai satu

jumlah \$220,000 yang dipohon dan di sini saya suka menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada Kertas Perintah 12 Tahun 1986 di mana saya dapat lihat bahawa di bawah Maksud P. 13 Kementerian Kehakiman, sejumlah \$70,000 secara langsung untuk Tambahan Kedua tahun 1985 dikehendaki untuk Bangunan-bangunan Mahkamah dan juga \$150,000 untuk Rumah Kediaman Hakim.

Tuan Pengerusi, sambil menyokong peruntukan yang dipohon ini, saya suka mengambil kesempatan ini untuk melafazkan harapan saya bahawa dengan adanya lebih banyak bangunan-bangunan Mahkamah, maka kita dapat membantu mengatasi masalah tentang tunggakan kes di Mahkamah.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh sebanyak sedikit mengenai masalah kelewatan yang serius tentang melakukan pengadilan yang berpunca dari tunggakan kes yang banyak, baik kes sivil atau kes jenayah yang menunggu untuk diadili.

Tuan Pengerusi, pada 17hb Mac, 1986 Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa sejumlah 903,679 kes sivil dan kes jenayah untuk Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung telah ditangguhkan sehingga bulan Februari, 1986. Yang Berhormat Menteri memberi 4 sebab tentang penangguhan kes-kes itu. Ini termasuk banyaknya bilangan kes yang berdaftar, kekurangan Majistret kerana perletakan jawatan dan banyaknya bilangan kes yang kompleks yang memerlukan masa yang lama untuk dibicarakan.

Tuan Pengerusi, kami berpendapat bahawa penangguhan kes-kes hampir sejuta kes ini sebagai satu masalah yang

mendukacitakan yang memerlukan perhatian segera pihak Kerajaan sebagaimana pepatah berbunyi: "Penangguhan keadilan bererti penafian keadilan."

Maka kami berpendapat bahawa kelewatan dalam melakukan pengadilan walaupun apa juga sebabnya telah menimbulkan ketidakadilan kepada orang-orang yang terlibat. Langkah-langkah segera mesti diambil oleh pihak Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada menyatakan bahawa lebih ramai Majistret akan diambil bertugas dan lebih banyak Mahkamah Majistret akan dibuka. Bagaimanapun, saya rasa lebih banyak perlu dilakukan untuk mengatasi masalah ini.

Yang pertamanya, saya berpendapat bahawa lebih ramai Hakim Mahkamah Tinggi hendaklah dilantik menerusi pindaan kepada Perlembagaan untuk menguruskan hal tunggakan kes mahkamah tinggi. Sehingga Februari tahun ini, kita diberitahu bahawa 5,057 kes jenayah dan 157,530 kes Sivil di Mahkamah Tinggi yang terpaksa ditangguhkan. Ini jelas menunjukkan bahawa tidak terdapat Hakim Mahkamah Tinggi yang cukup untuk mendengar kes-kes ini.

Yang kedua, syor saya ialah bahawa pihak Kerajaan hendak mengambil langkah-langkah untuk mengisi banyak kekosongan sedapat mungkin dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Saya difahamkan bahawa terdapat lebih kurang 300 kekosongan jawatan yang perlu diisi dan ini meliputi Majistret, Timbalan Pendakwaraya serta juga Pendaftar Mahkamah.

Yang ketiganya, ialah pihak Kerajaan haruslah menyediakan lebih ramai kakitangan bantuan seperti kerani, jurutaip dan penterjemah mahkamah untuk hakim-hakim dan pihak Majistret.

Keempat, merumus satu skim gaji yang menarik untuk Hakim-hakim dan Majistret yang akan membantu bagi mengekalkan mereka dalam perkhidmatan.

Kelima, yang saya anggap adalah lebih penting ialah bahawa Kerajaan mestilah bersedia meletakkan keutamaan yang tinggi kepada Kementerian Kehakiman dengan memastikan satu peruntukan yang besar diberikan kepada Kementerian ini bagi membolehkan kedaulatan undang-undang dipelihara dan ditadbir dengan cekap dan pantas. Apabila diperhatikan peruntukan kewangan untuk Kementerian Kehakiman adalah jelas bahawa ianya diberikan satu keutamaan yang amat rendah. Sebagai contoh, dalam perbelanjaan tahun 1986 Kementerian Kehakiman telah diperuntukkan hanya \$59.3 juta yang merupakan \$46.8 juta sebagai perbelanjaan mengurus dan \$12.5 juta sebagai perbelanjaan pembangunan. Maka saya berpendapat bahawa dengan peruntukan yang begitu kecil ini Kementerian Kehakiman tidak dapat menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan.

Semasa membahaskan Maksud P. 13 ini saya juga untuk mengambil kesempatan ini menanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berkenaan dengan Mahkamah Tuntutan Kecil. Sebenarnya saya telah menyeru penubuhan sebuah Mahkamah Tuntutan Kecil pada beberapa tahun yang lalu sebagai satu cara untuk membantu mengurangi beban mahkamah biasa. Saya harap bahawa Kerajaan akan mengambil langkah menubuhkan sebuah Mahkamah Tuntutan Kecil tanpa dilengah-lengahkan lagi yang mana menurusnya mangsa-mangsa penyelewengan perniagaan boleh dapat bantuan juga perlindungan menerusi cara-cara yang mudah tanpa menerusi proses undang-undang yang lama. Mahkamah Tuntutan Kecil

boleh menjadi satu kenyataan jika Kerajaan bersedia memperkenalkan Rang Undang-undang Tribunal Tuntutan Kecil di Parlimen. Mahkamah akan menjadi satu badan yang bebas yang dikendalikan oleh satu panel penimbangtara yang dilantik oleh Kerajaan dan panel penimbangtara ini boleh diwartakan sebagai pegawai-pegawai Mahkamah Tuntutan Kecil. Mangsa-mangsa penyelewengan perniagaan hanya perlu mendaftarkan tuntutan mereka tanpa perlu khidmat peguam. Mereka hanya perlu mengisi borang tertentu yang secara automatik menjadi satu penyata tuntutan yang akan dikendalikan oleh pihak penimbangtara yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, adalah dilaporkan bahawa Mahkamah Tuntutan Kecil akan ditubuhkan pada tahun depan menurut Pemangku Ketua Hakim Negara. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh memberi satu penjelasan di sini tentang bagaimana mahkamah itu kelak akan ditubuhkan bagi memberikan keadilan kepada rakyat terutama golongan yang miskin. Ini ialah pandangan yang saya ingin menyuarakan atas perbahasan Maksud P. 13 ini. Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong.

4.06 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Maksud B. 13, Kertas Perintah 10, 11 dan 14. Tambahan yang dikehendaki ialah sebanyak \$2,350,200 untuk menampung bayaran emolumen bagi kakitangan baru, sewaan ruang pejabat di Bangunan KUWASA, Kuala Lumpur, kerja menyediakan ruang pejabat dan pembelian alat-alat perabot serta kelengkapan pejabat berikutan dengan penubuhan Kementerian dalam bulan Julai, 1984. Ada beberapa soalan yang timbul di sini yang saya tambahkan kepada

soalan yang ditimbulkan daripada Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Apakah bilangan kakitangan baru yang digajikan serta skel-skel jawatan mereka? Apakah sewa bulanan bagi ruangan pejabat ini? Apakah harga jualan ruangan ini, untuk berapa lamakah perjanjian sewa dibuat? Mengapakah pula pihak Kerajaan tidak membelikan sahaja ruangan tersebut? Apakah perbelanjaan yang dibuat untuk menyediakan ruang pejabat, pembelian alat-alat perabot serta kelengkapan pejabat? Dan akhirnya, apakah fungsi-fungsi pejabat Kementerian Kehakiman di Bangunan KUWASA. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menjawab soalan-soalan seperti ini kerana ini tidak dimasukkan di dalam Kertas Perintah 10, 11 ataupun 14.

Sekian, terima kasih.

4.08 ptg.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Pengerusi, dengan izin, mengenai dengan peruntukan di bawah P. 13, peruntukan untuk membina Bangunan-bangunan Mahkamah Baru, selain daripada \$220,000 yang tertera di dalam Kertas ini, sebenarnya peruntukan untuk membina Bangunan-bangunan Mahkamah Baru ada dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Saya minta maaf kerana saya tidak ada angka yang telah dimasukkan tetapi saya boleh hantar secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar iaitu untuk semua lima tahun yang akan datang ini; iaitu permohonan untuk membina mahkamah-mahkamah baru, membesarkan mahkamah-mahkamah yang sedia ada di mana perlu, memperbaiki mahkamah-mahkamah yang ada di

mana perlu dan sebagainya, tetapi termasuklah membina mahkamah-mahkamah yang baru.

Dalam kedudukan kewangan tidak begitu mengizinkan, walaupun Kementerian saya telah mendesak dengan sekuat-kuatnya di dalam perbincangan-perbincangan dengan pihak Perbendaharaan dan juga pihak Jawatankuasa Kebangsaan Perancang Rancangan Malaysia Kelima ini, tetapi yang telah dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kelima itu kalau dari pendapat saya sendiri pun tidak mencukupi. Tetapi kita telah mendesak kerana banyak mahkamah-mahkamah yang perlu dibina di negara kita. Sebanyak sedikit peruntukan yang telah dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kelima itu akan membantu memperbaiki prestasi mahkamah-mahkamah apabila telah dibina di dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Mengenai dengan kes-kes tertangguh, kes-kes tertangguh yang lebih kurang 900,000 lebih itu yang mana kebanyakannya adalah di peringkat Mahkamah-mahkamah Majistret, lebih 800,000 adalah kes-kes tertangguh yang terdapat di Mahkamah-mahkamah Majistret dan bakinya di Mahkamah-mahkamah Sesyen, Mahkamah-mahkamah Tinggi dan yang tertinggi sekali, Mahkamah Agong. Sebab-sebabnya telah pun dihuraikan oleh rakan saya semasa memberi jawapan, seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi. Seperti yang telah Ahli-ahli Yang Berhormat ketahui, Jemaah Menteri sebenarnya telah pun saya beri taklimat mengenai dengan perkara ini dengan satu kertas Jemaah Menteri kerana kita pandang perkara ini dengan serius. Perkara-perkara kes-kes tertangguh ini bukanlah hanya 2, 3 tahun yang lalu, malahan ianya telah wujud bertahun-tahun dahulu lagi, sebelum pun barangkali saya menjadi

Ahli Parlimen. Saya bukan menyalahkan Menteri Kehakiman atau Menteri Undang-undang yang dahulu, akan tetapi hanya mengingatkan bahawa ini adalah satu masalah yang telah berlarutan dan hanyalah di dalam 2 tahun yang lalu ini kita telah cuba mencari jalan untuk mengurangkan sedaya upaya kita kes-kes yang telah tertangguh ini.

Saya sedang berbincang dengan Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara dan juga Hakim-hakim yang terkanan, termasuklah juga Ketua Pendaftar Mahkamah-mahkamah, untuk merumuskan cara-cara mengatasi kes-kes yang telah tertangguh ini dan kertas yang telah saya sampaikan kepada Jemaah Menteri itu memanglah mengandungi rumusan-rumusan ini; dan selepas memberi taklimat kepada Jemaah Menteri, saya juga sedang memanggil sekali lagi Ketua Hakim Negara supaya kita dapat mencari jalan seperti yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri untuk mengurangkan kes-kes yang telah tertangguh ini.

Memang benar bahawa satu daripada sebab-sebabnya ialah kita kekurangan kakitangan di peringkat kehakiman (judiciary), iaitu pada ketika ini kita mempunyai hampir 200 orang Majistret di seluruh negara dan kita memerlukan sekurang-kurangnya 50 Majistret yang baru — sekurang-kurangnya — kalau lebih boleh dapat lagi baik, untuk menampung kelambatan-kelamabatan untuk membicarakan di peringkat Mahkamah Majistret kerana saya katakan tadi yang paling banyak daripada kes-kes tertangguh ini adalah terdapat di dalam Mahkamah-mahkamah Majistret. Saya telah kemukakan ini kepada Jemaah Menteri dan kita sedang berusaha untuk mengisikan sekurang-kurangnya 50 kekosongan Majistret ini dengan seberapa cepatnya supaya mereka ini boleh ditukarkan (transfer) dihantarkan ke negeri-negeri dan

bandar-bandar yang kekurangan Majistret-majistret, terutama sekali menghantarkan mereka di pekan-pekan di mana terdapatnya kes-kes tertangguh (backlogs) ini di negara kita. Malangnya walaupun negara kita mengeluarkan lebih 100 lawyers tiap-tiap tahun daripada Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, tiap-tiap tahun lebih 100 kelulusan siswazah keluar daripada situ, tetapi malangnya tidak sampai 10% yang rela ataupun mahu berkhidmat dengan Jabatan Kehakiman (judiciary).

Satu sebabnya memanglah disebabkan oleh tanggagaji yang rendah. Seseorang siswazah, graduan, dalam undang-undang yang ingin memasuki Jabatan Kehakiman dan menjadi Majistret mendapat lebih kurang \$1,080 sebulan, tetapi kalau dia bernasib baik dan memasuki bidang swasta dan turut serta ataupun memasuki satu syarikat Peguambela dan Peguamcara, dia akan mendapat sekurang-kurangnya \$2,000 sebulan. Itulah, salah satu daripada sebab-sebabnya mengapa bidang judiciary ini tidak begitu menarik (attractive) ialah disebabkan oleh tanggagaji ini. Kalau tanggagaji rendah, memanglah elaun-elaun dia pun rendah juga.

Saya telah berusaha selama 1½ tahun ini untuk memperbaiki kedudukan ini dan Kementerian saya telah menyediakan sesudah menyelidiki, sesudah melawat negeri-negeri, termasuk Sarawak dan Sabah dan Negeri-negeri Semenanjung merumuskan dan menghantarkan satu Memorandum kepada Kerajaan untuk meminta pertimbangan atas 3 atau 4 kategori gaji di dalam Jabatan Kehakiman, termasuk Majistret dan termasuk Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen dan juga Senior Assistant Registrar, termasuk Pendaftar Kanan supaya gaji-gaji mereka itu diperbaiki, dipercepatkan kenaikan gaji dan sebagainya. Perkara ini masih di dalam pertimbangan Jabatan Perkhidmatan

Awam (JPA) sehingga ke masa ini. Itu adalah pertama. Yang kedua, disebabkan tanggagaji itu rendah dan elaun-elaunnya pun kalau dibandingkan dengan pihak swasta rendah, maka oleh sebab itu tidak banyak yang memasuki profesion undang-undang, profesion kehakiman untuk menjadi Majistret ini. Maka inilah sebabnya kita tidak mempunyai bilangan Majistret yang cukup ketika ini untuk mempercepat pendengaran dan penyelesaian kes-kes tertangguh yang telah diperkatakan itu. Kes-kes tertangguh ini.

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, penjelasan?

Tuan Lee Lam Thye: Untuk penjelasan. Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa lebih ramai Majistret akan dilantik untuk Mahkamah Sesyen, tetapi saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan, dalam syor yang disampaikan kepada pihak Jemaah Menteri sama ada Yang Berhormat juga menerangkan tentang tunggakan kes yang teruk yang juga berlaku di peringkat Mahkamah Tinggi memandangkan bahawa tadi saya ada menyebut terdapat 157,530 kes sivil yang telah ditangguh dan adakah Yang Berhormat Menteri juga mengesyorkan kepada pihak Kabinet tentang perlunya melantik lebih ramai hakim untuk Mahkamah Tinggi juga.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Pengerusi, kedua-duanya ada; dan pihak Jemaah Menteri telah pun melihat angka-angka yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan selepas mesyuarat Jemaah Menteri hari Rabu, minggu lalu.

Saya ulangi Tuan Pengerusi, kes-kes tertangguh ini malangnya juga bukan sahaja disebabkan oleh kekurangan

Majistret; ianya juga adalah disebabkan oleh Peguam-peguam tidak hadir di Mahkamah pada hari yang telah ditetapkan oleh Majistret ataupun Hakim; dan terdapat juga Peguam-peguam yang seolah-olah sengaja menentukan kehadiran mereka di dua atau tiga Mahkamah pada masa yang sama dan hari yang sama; dan bila mereka sampai ke satu Mahkamah, mereka kata, "Saya tidak dapat hadir di sini pada hari ini oleh kerana ada satu kes di situ dan saya ada satu "client" di situ." Jadi, ini sebenarnya harus dipertimbangkan juga oleh Majlis Peguam supaya perkara-perkara seperti ini tidak terjadi.

Akibat itu maka tertangguhlah satu atau dua kes yang harus di dengar kerana Peguam menentukan masa yang sama, hari yang sama untuk mendengar 3 kes yang mana memanglah kita tidak boleh hadir di tiga tempat atau dua tempat di satu ketika dan hari yang sama. Dan satu lagi sebab-sebab yang lain ialah saksi-saksi tidak datang walaupun mereka telah diambil statement ataupun huraian dan sebagainya. Tetapi pada hari bila mereka dikehendaki sebagai saksi-saksi mereka tidak hadir maka kes terpaksa ditangguhkan lagi dan juga kadang-kadang terdapat juga di pihak Peguam berbagai macam alasan untuk meminta penangguhan kes-kes. Itu hanya sedikit sahaja, saya tidak ingin memanjangkan masa di Dewan yang mulia ini. Sebenarnya saya bertujuan, Tuan Pengerusi, untuk membuat satu Kertas yang lanjut mengenai sebab-sebabnya semua ini dan apabila tiba keperluan nanti saya akan bentangkan, saya akan berucap lebih panjang lebar lagi di Dewan yang mulia ini, kalau perlu mengenai masalah ini dan sebab-sebabnya dan usaha-usaha kita menyelesaikan masalah ini.

Mengenai dengan Mahkamah Tuntutan Kecil itu seperti yang telah

dikatakan oleh Hakim Besar Malaya seperti yang telah keluar di akhbar pada pagi ini, beliau bercakap di Kuala Terengganu kalau saya tak salah, beliau telah mengatakan bahawa rumusan ataupun keputusan mengenai Mahkamah Tuntutan Kecil ini akan dikeluarkan pada penghujung tahun ini. Satu Jawatankuasa Pegawai-pegawai Kehakiman dan Pegawai-pegawai Kementerian telah pun bermesyuarat beberapa kali untuk mendapatkan keputusan "pros and cons", dengan izin, mengenai penubuhan Mahkamah Tuntutan Kecil ini dan selepas itu keputusan Jawatankuasa Pegawai-pegawai dan Kementerian ini akan disarankan kepada Ketua Hakim Negara untuk beliau dan beberapa Hakim yang lain meninjaukannya dan selepas itu diharapkan Mahkamah Kecil ini dapat diputuskan sama ada perlu ditubuhkan atau tidak.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Datuk Dr James P. Ongkili: Ada satu pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dari Kepung yang belum saya jawab tadi.

Tuan Pengerusi: Silakan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Semasa Kementerian Kehakiman ditubuhkan semula pada bulan Julai 1984, kita perlu mencari satu Ibu Pejabat Kementerian Kehakiman ini dan sesudah kita mencari tempat di sana sini termasuklah di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di mana ruangnya terlalu sempit dan tidak sesuai akhirnya terdapat satu bangunan yang baru siap pada ketika itu bulan Julai, 1984 iaitu Bangunan EPF (KWSP) sebenarnya, yang baru di Kuala Lumpur yang dinamakan Bangunan KUWASA; dan Kementerian telah mengambil keputusan untuk menyewa

dua Tingkat di situ, tingkat 21 dan tingkat 22, untuk Kementerian dan 4 Bahagian Kementerian dan termasuk juga Ibu Pejabat Biro Bantuan Guaman untuk Selangor dan Wilayah Persekutuan dan pada ketika itu sewa untuk satu kak: persegi adalah yang seberapa boleh diturunkan sesudah berbincang dengan KWSP. Saya tidak ada angka-angka yang diperlukan di sini, tetapi saya boleh sampaikan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepung.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,350,200 untuk Maksud B. 13 di bawah Kementerian Kehakiman jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$2,350,200 untuk Maksud B. 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$220,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 13 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$220,000 untuk P. 13 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985.

Maksud P. 18 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985)—

Tuan Pengerusi: Maksud Pembangunan (P. 18) Di bawah Kementerian Perusahaan Utama, terbuka untuk dibahas. Saya kemukakan masalah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$70 yang disebutkan dalam Maksud P. 18 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1985 di bawah Kementerian Perusahaan Utama hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$70 untuk Maksud P. 18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985.

Maksud P. 19 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985)—

Tuan Pengerusi: Maksud Pembangunan (P. 19) di bawah Kementerian Pertanian, terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

4.28 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 4 dalam Kertas Perintah 13, di mana penjelasan telah diberi kepada sebab-sebab memperuntukkan lebih daripada \$9 juta kepada tujuan memberi bantuan kepada pihak nelayan. \$6.5 juta untuk menampung pengeluaran peruntukan pinjaman bagi membiayai projek-projek pembangunan infrastruktur pertanian di Sabah dan \$2.6 juta adalah sebagai peruntukan pinjaman kepada Bank Pertanian Malaysia untuk membiayai Sekim Kredit Nelayan di negeri Sarawak bagi menggantikan Subsidi Perikanan yang telah diberhentikan.

Memanglah saya mengalu-alukan apa-apa peruntukan sahaja yang diberi untuk memberi bantuan kepada pihak nelayan di negeri Sarawak kerana saya merasakan bahawa sektor nelayan

adalah satu sektor yang amat diabaikan oleh pihak Kerajaan di negeri Sarawak. Jikalau saya tidak silap golongan nelayan di negeri Sarawak terdiri lebih daripada 11,000 keluarga. Mereka terdiri daripada semua bangsa seperti Melayu, Melanau, Iban, Cina dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, sebelum Skim Subsidi Perikanan diberhentikan, nelayan-nelayan itu boleh meminta bantuan wang daripada Kerajaan untuk tujuan membeli bot-bot baru ataupun enjin-enjin baru ataupun membaiki kelengkapan-kelengkapan mereka supaya menangkap ikan dengan lebih baik. Walau bagaimanapun, saya pun bukan bersetuju dengan mentaliti subsidi dan mungkin Skim Kredit Nelayan adalah satu alternatif yang boleh menggantikan mentaliti subsidi itu. Tetapi golongan nelayan-nelayan di negeri Sarawak adalah satu sektor di mana permintaan pembangunan adalah amat mendesak. Oleh kerana mereka adalah amat miskin kalau dibandingkan dengan sektor-sektor lain, perhutangan menjadi satu masalah terbesar di dalam hidup mereka. Mereka boleh tangkap ikan dalam 8 daripada 12 bulan setahun sahaja. Dalam 4 bulan iaitu dalam musim hujan, mereka tidak ada apa-apa kerja pun yang boleh menambah pendapatan mereka.

Dalam hemat saya mereka menjadi satu golongan yang amat miskin di seluruh negara kita. Tetapi dalam 10 tahun atau 20 tahun lalu sejak Sarawak mencapai kemerdekaan seluruh menjadi satu negeri dalam Persekutuan Malaysia, peruntukan yang diberi kepada sektor nelayan di negeri Sarawak hanya sebanyak \$1 juta ataupun \$2 juta sahaja walaupun bilangan mereka adalah besar sebanyak 11,000 keluarga. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa peruntukan sebanyak \$2.6 juta walaupun baik tetapi kurang

mencukupi untuk memperbaiki untung nasib golongan nelayan-nelayan di negeri Sarawak.

Mereka memerlukan kemudahan-kemudahan infrastruktur nelayan asas seperti yang telah diperuntukkan bagi nelayan-nelayan di negeri Sabah supaya mereka boleh mengeluarkan tangkapan mereka kepada pasaran-pasaran yang baik dan kemudahan pasaran menjadi satu masalah besar kepada mereka juga. Mungkin pihak Kerajaan harus mengambil perhatian untuk mengkaji kemungkinan mendirikan koperasi-koperasi bagi nelayan-nelayan itu supaya tangkapan mereka boleh dijual secara langsung kepada consumers tanpa mereka dieksploitasi oleh middlemen sahaja dan sebagainya maka walaupun saya mengalu-alukan peruntukan ini, saya ingin mengambil perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian di sini supaya perhatian lebih berat harus diberi kepada masalah nelayan-nelayan di negeri Sarawak di samping selain daripada Skim Kredit Nelayan sahaja.

Skim Kredit ini pada masa sekarang tidak begitu berguna. Oleh kerana perhutangan sudah menjadi satu masalah nelayan-nelayan itu dan mereka menubuh sistem "tontine" sesama mereka dan di antara nelayan-nelayan itu adalah sebahagian besar yang harus membayar \$1,000 ataupun \$2,000 kepada sistem taunting itu. Dan jikalau mereka pergi ke Bank Pertanian untuk mendapat pinjaman daripada Skim Kredit Nelayan itu mereka tidak ada kemampuan untuk membeli, untuk menemui semua komitmen mereka. Oleh kerana itu, saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya mengkaji masalah kemaskini di antara sektor nelayan di negeri Sarawak dengan lebih keseluruhannya supaya taraf kehidupan mereka dapat dipertingkatkan. Ini sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

4.35 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, P. 19, Kertas 13 dan 12. Sepertimana yang dijelaskan amaun \$2.6 juta diperuntukkan sebagai pinjaman kepada Bank Pertanian Malaysia untuk membiayai Skim Kredit Nelayan di negeri Sarawak menggantikan Subsidi Perikanan.

Soalan saya, apakah jumlah besar pinjaman yang telah diberi kepada Bank Pertanian Malaysia untuk maksud yang sama. Berapa banyakkah yang telah dibayar balik dan yang masih dihutangkan. Tujuan saya menanya butir-butir ini adalah kerana dalam hampir setiap Persidangan Parlimen, Bank Pertanian Malaysia menerima tambahan peruntukan dalam bentuk pinjaman.

Contohnya, bulan Mac, 1985 tambahan sebanyak \$1,990,000 dan Julai, 1985 tambahan sebanyak \$600,000. Apakah jumlah pinjaman yang telah dibuat oleh para nelayan di Sarawak dari Skim Kredit Nelayan ini sejak pertubuhannya. Apakah bilangan mereka yang memohon dan berjaya? Bagaimanakah dengan bilangan mereka yang telah gagal untuk menerima pinjaman itu? Saya berharap sistem pinjaman seperti ini dapat diperbaiki sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semalam. Dan nampaknya setakat ini walaupun ada jaminan di dalam Dewan yang mulia ini tindakan yang berkesan belum lagi nampak. Saya berharap Yang Berhormat dapat mengambil tindakan yang lebih berkesan untuk tujuan tersebut.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian.

4.38 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan syabas kepada dua teman baik saya daripada Pembangkang yang telah memberi teguran terhadap Anggaran yang dipohon untuk kegunaan Kementerian Pertanian menolong para nelayan di negeri Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini dan Dewan ini, Anggaran yang dipohon untuk diluluskan dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi, iaitu untuk pembinaan beberapa projek yang dianggap sangat perlu dan penting untuk meningkatkan taraf hidup para nelayan di negeri Sabah dan Sarawak. Pertama, untuk pembinaan "Fishery Complex" di Kota Kinabalu. Kedua, "Slipway" dan "Workshop facilities" juga di Kota Kinabalu. Ketiga, "Feedmeal Plant" untuk Kota Kinabalu. Keempat, "Fishery Complex" dibinakan di Tawau.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, peruntukan tahun 1985 projek ini yang berjumlah \$7 juta adalah tidak mencukupi bagi menyelesaikan tanggungan bagi kerja-kerja kontrak seperti di atas yang kesemuanya berjumlah \$13,507,323.00. Jadi, oleh kerana kita mahu projek yang saya sebutkan tadi disegerakan dan harus siap mengikut jadual supaya para nelayan itu tidak termangu-mangu menunggu kekemasan ataupun kesiapan projek-projek tersebut dengan daya usaha mencari duit supaya menyalakan masalah tersebut.

Juga saya ucapkan syabas dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuching yang telah membuat teguran terhadap anggaran yang hendak diluluskan dalam Dewan ini

pada petang ini khasnya untuk meningkatkan taraf hidup para nelayan-nelayan di negeri Sarawak.

Sebagaimana yang telah pun disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, yang berjumlah agak banyak, lebih daripada 11,000 keluarga dan wang \$2,567,200 ini adalah diperlukan untuk menjayakan Skim Kewangan Perikanan Negeri Sarawak dalam tahun 1985. Skim Kredit ini akan dikendalikan oleh Bank Pertanian Malaysia dan ciri-ciri kemudahan kewangan dalam Skim baru ini adalah seperti berikut:

- (a) seorang nelayan yang layak menerima bantuan pinjaman dalam skim ini adalah perlu menyumbangkan 20% ekuiti dari jumlah kos pinjaman;
- (b) pemberian galakan — yang ini saya memberi penjelasan kepada kawan saya, Ahli Yang Berhormat dari Kuching — pemberian galakan sebanyak 30% akan diberi sekiranya pinjaman dibayar balik dengan sepenuhnya;
- (c) jumlah maksima pinjaman adalah \$50,000; dan
- (d) Jabatan Perikanan akan merancang satu projek dan memberi sokongan terhadap sesatu pinjaman dan Bank Pertanian pula adalah bertanggungjawab ke atas kutipan balik pinjaman tiap-tiap bulan.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya tidak dapat memberi angka-angka yang sebenarnya kepada Ahli Yang Berhormat itu oleh kerana pinjaman ini baru sahaja dilancarkan di negeri Sarawak, sesudah pemberian subsidi ini ditangguhkan oleh pihak Kerajaan. Jadi saya tidak dapat memberi angka-angka yang tepat.

Tetapi saya tidak bersetuju dengan anggapan Ahli Yang Berhormat itu mengatakan kredit pinjaman daripada pihak Bank Pertanian itu tidak akan menguntungkan pihak para nelayan. Untuk memberi jaminan terhadap soal ini, pihak kita di Kementerian telah membuat kajian yang begitu teliti dan kita dapati cara inilah yang sebaik-baiknya untuk meningkatkan taraf hidup para nelayan, bukan sahaja di negeri Sabah dan Sarawak, bahkan di seluruh Malaysia. Inilah satu sistem yang kita agak sangat baik untuk menolong serta membantu para nelayan-nelayan kita.

Sekali lagi, Tuan Pengerusi, saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih atas teguran kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini. Sekiranya ada soalan daripada pihak kedua-dua mereka ini yang belum saya jawab di sini, saya akan menghubungi kedua-dua ini upaya mereka pula memberikan kerjasama dengan pihak Kementerian Pertanian supaya kita sama-sama menolong para nelayan-nelayan kita baik di Sabah dan Sarawak ataupun di Semenanjung.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ada satu lagi perkara di Kertas Perintah 12, mukasurat 36, butiran 261, Projek Infrastruktur Perikanan.

Tuan Pengerusi: Ya, apa Ahli Yang Berhormat hendak bercakap?

Dr Tan Seng Giaw: Saya belum lagi memahami apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Saya berharap beliau boleh terangkan lagi berkenaan projek infrastruktur ini.

Tuan Luhut Wan: Tuan Pengerusi, projek infrastruktur itu banyak. Seperti yang saya sebutkan tadi, iaitu duit yang kita gunakan untuk menampungkan serta menyiapkan kerja-kerja di beberapa tempat yang saya telah sebutkan tadi tidak termasuk duit yang akan digunakan untuk

pembinaan berbagai-bagai kompleks termasuk di negeri Sarawak seperti di Bintulu, Miri, Bahagian Ketiga dan sebagainya. Jadi saya kira penjelasan yang saya terangkan atas infrastruktur yang saya sebutkan tadi adalah cukup jelas dan saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kepong akan menelitikannya. Jika sekiranya ada teguran-teguran terhadap projek-projek pembangunan yang saya sebutkan tadi, saya pun dengan secara terbuka menerima teguran Ahli Yang Berhormat itu dan Kementerian sanggup menelitinya jika benda itu betul membina dan kita akan mengambil perhatian berat terhadap cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$9,077,210 yang disebutkan dalam Maksud P. 19 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1985 di bawah Kementerian Pertanian hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$49,077,210 untuk Maksud P. 19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985.

Maksud P. 21 dan P. 23 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala P. 21 dan P. 23 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,764,500 yang disebutkan dalam Maksud P. 21 dan \$50,000 dalam maksud P. 23 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi

tahun 1985 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,764,500 untuk Maksud P. 21 dan \$50,000 untuk Maksud P. 23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985.

Maksud P. 25 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala P. 25 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Bandar Kuching.

4.48 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, kita diminta untuk meluluskan peruntukan sebanyak \$65 juta untuk tujuan membiayai projek Pembangunan Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara.

Tuan Pengerusi, sering menjadi amat susah untuk kita mendapat maklumat-maklumat daripada Kementerian Pertahanan dalam apa-apa aspek pun oleh kerana selalunya maklumat-maklumat terhadap pertahanan negara kita menjadi rahsia. Saya pun tidak faham apakah tujuan tertentu untuk peruntukan-peruntukan seperti terdapat di mukasurat 41 dalam Kertas Perintah 12, di mana \$2 juta diperuntukkan bagi sektor khas. Apakah erti "sektor khas" ini? Adakah "sektor khas" ini merupakan sektor untuk melatih "spy" ataupun apakah tujuannya? Saya tak tahu, bolehkah pihak Kerajaan menjelaskan sedikit?

Kita pun diminta untuk meluluskan \$800,000 untuk membeli senjata dan \$14 juta untuk membeli kenderaan-kenderaan. Apakah jenis senjata yang

kita akan belikan? Apakah jenis atau apakah tujuan kenderaan, alat perhubungan dan sebagainya akan dibelikan?

Tuan Pengerusi, soalan saya yang pertama, yang ingin saya bangkitkan di sini, ialah apakah cara yang diamalkan oleh pihak Kementerian Pertahanan untuk menjalankan tender bagi pembelian senjata, pembelian kelengkapan serta kenderaan dan sebagainya. Jika saya tidak silap, Kementerian Pertahanan ada satu sistem yang bersaing daripada sistem tender biasa yang diamalkan oleh pihak Kerajaan. Dan soalan saya ialah bagaimanakah Dewan yang mulia ini ataupun rakyat jelata ataupun apa-apa pertubuhan yang berminat boleh mendapat maklumat-maklumat supaya memastikan System Public Accountability. Jikalau semua maklumat-maklumat, khususnya maklumat-maklumat mengenai tender, pembelian alat-alat tentera menjadi rahsia, bagaimanakah pihak rakyat dan pihak Kerajaan boleh menjaminkan satu pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah di dalam Kementerian Pertahanan. Bukanlah saya ingin menganjurkan satu polisi di mana Kementerian Pertahanan mendedahkan semua maklumat-maklumat kepada orang ramai, oleh kerana sedikit rahsiapun jadi perlu untuk kepentingan negara kita, tetapi di manakah boleh kita "draw the line", dengan izin. Inilah soalan saya.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Sila.

4.52 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Kertas Perintah 12, mukasurat 40, sebanyak \$41 juta diperuntukkan kepada Butiran ini, iaitu kapal-kapal TLDM, yang tidak berasal daripada Simpanan Luar Jangka. Oleh yang demikian apakah sumbernya serta

maklumat terperinci mengenai sumber ini dan juga butiran-butiran mengenai jenis kapal, bilangan kapal, pembekal kapal dan tujuan kapal ini?

Saya bangkitkan hal ini kerana semalam walaupun saya ada sebutkan mengenai 14 buah MCMV ataupun, dengan izin, Marine Counter Measures Vessels, satu jawapan diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang sangat singkat, yang sangat tidak tepat dan tidak menjawab apa yang saya menyoalkan itu semalam.

Di sinilah saya hendak menekankan bahawa butir-butir yang tidak lengkap, yang diberi di sini adalah tidak wajar kerana wang yang dipintanya \$41 juta, bukan kecil amaunnya. Saya berharap amalan yang seperti ini tidak akan dilanjutkan dan sistem pembelian, sistem tender dan jenis kapal yang dibeli untuk TLDM haruslah disempurnakan supaya wang ini tidak dibazirkan. Sekian.

4.53 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu dua point sahaja.

Peruntukan yang diminta oleh MINDEF dalam Anggaran Pembangunan Tambahan yang berjumlah \$65 juta adalah satu angka yang besar, dan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching berkata tadi bahawa kita perlu maklumat-maklumat yang lebih detail mengenai apa jenis peralatan yang akan digunakan dan bukan satu angka yang "blanket" sahaja.

Di sini kita tahu bahawa dalam Kementerian Pertahanan selalu ada berlaku masalah-masalah contract management yang tidak begitu memuaskan hati dan dalam Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara baru-baru ini, Ketua Setiausaha

Kementerian Pertahanan sendiri ada mengakui bahawa tidak ada kawalan yang rapi dan beliau ada memberi contoh untuk tahun 1980, misalnya, di mana Kementerian Pertahanan mengendalikan lebih daripada 1,000 kontrak dan jenis-jenis kontrak ini pula bermacam-macam, bukan sahaja bagi membeli senjata, membeli makanan, membuat rumah dan sebagainya, dan beliau mengakui tidak ada pengawasan yang rapi. Saya rasa ini tidak berbeza pada sekarang, yang lebih perlu dikutuk ialah bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan tidak ada di sini. Sungguhpun ada Yang Berhormat lain boleh jawab, tetapi sesiapa yang menjawab tidak akan faham.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): (Bangun)

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bangun.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Saya ingin menjawab, Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu Yang Berhormat akan menjawab, tetapi tidak tahu apa hal; orang tulis, dibaca sahaja—itu bukan jawapan yang bertanggungjawab. Kita mahu orang yang faham perkara ini datang ke sini untuk jawab, bukan datang ke sini untuk baca jawapan, tetapi untuk faham dan jawab — bukan baca. Dan saya harap bahawa.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Pengerusi, ini soal collective responsibility. Jadi sesiapa pun daripada kami boleh menjawab. Jangan mewujudkan satu buruk sangka terhadap kami di sini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka, sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya akan teruskan. Saya fikir point ini mustahak.

Sungguhpun kita tahu akan collective responsibility tetapi ini bukan bererti bahawa Yang Berhormat tahu apa yang ada di sini. Kita datang di sini untuk mahu tahu dan untuk mendapat butir-butir.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tunggu dia jawab dahulu, kita lihat sama ada dia tahu atau tidak.

Tuan Lim Kit Siang: Kita mahu tunggu dia jawab, tetapi pada prinsipnya ini tidak boleh diterima. Sungguhpun Peraturan Mesyuarat benarkan ini, tetapi amalan Parlimen ini patut dikutuk, tidak boleh dibenarkan — Peraturan Mesyuarat boleh, tetapi amalan Parlimen tidak boleh.

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya harap di masa depan perkara macam ini tidak berlaku lagi, dan kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan tidak ada masa untuk datang ke Parlimen, dia letak jawatan, letak jawatan, bukan lain orang datang untuk jawab.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Saya ingin penjelasan. Amalan Parlimen mana yang menyebutkan bahawa kami tidak boleh menjawab?

Tuan Lim Kit Siang: Saya tolak argument ini selain daripada Yang Berhormat menjadi Timbalan Menteri Pertahanan dan itulah maknanya tanggungjawab kepada Parlimen, bukan sahaja ada collective responsibility, tetapi juga ada individual responsibility; dan kita mahu individual responsibility ditunjuk dan kita mahu tahu apalah Yang Berhormat Menteri boleh jawab nanti. Apalah wang \$14 juta ini yang dibelanjakan oleh Kementerian Pertahanan untuk kenderaan dan senaraikan butir-butir, apa itu, dan

mengenai \$800,000 ini untuk beli senjata, senaraikan apa itu serta \$41 juta untuk kapal-kapal TLDM. Senaraikan semua ini, bolehkah? Tidak boleh, tidak pun faham apa itu sebenarnya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Beri jalan, boleh.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Saya suka membangkitkan soal "tidak faham"; soal itu kalau tidak faham barangkali kami tidak ingin menjawab. Jadi kami faham, sebab itu kami hadir pada hari ini.

Tuan Lim Kit Siang: Kerajaan faham, Yang Berhormat tidak faham.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka, sila teruskan ucapan, harap janganlah bertengkar macam itu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya rasa ini mustahak oleh kerana prinsip. Dia kata dia faham, saya tahu dia tidak faham kerana dia bukan Timbalan Menteri dalam Kementerian Pertahanan, pura-pura faham tidak guna. Saya harap bahawa satu tanggungjawab yang lebih ditunjukkan oleh kerana kita mahu tahu. Apabila kita diminta untuk luluskan peruntukan-peruntukan yang begitu besar, kita mahu tahu apa yang sebenarnya diminta, siapa bertanggungjawab dan kita tidak mahu berlaku skandal-skandal yang banyak sudah berlaku khususnya dalam pembelian-pembelian senjata-senjata atau apa-apa bekalan-bekalan dalam Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.00 ptg.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:
Tuan Pengerusi, ingin saya mohon izin menjawab perkara-perkara yang dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuching, Kepong dan juga Kota Melaka. Mengenai perkara-perkara yang dibangkit sekejap tadi bagi pihak Menteri Pertahanan Malaysia, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat-berhormat yang telah menzahirkan minat masing-masing terhadap perkara-perkara yang ada hubung kaitnya dengan Kementerian Pertahanan Malaysia.

Tuan Pengerusi, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuching mengenai sektor khas — tidak ada sektor khas, yang ada ialah setor khas. Ini, Tuan Pengerusi, menunjukkan bahawa bukanlah kami di sini tidak tahu mengenai apa yang berjalan di Kementerian Pertahanan, sebab kami sebagaimana dinyatakan tadi mempunyai collective responsibility, dengan izin. Saya harap Yang Berhormat faham pengertian dari segi undang-undang, collective responsibility itu.

Jadi, sukalah saya nyatakan di sini bahawa ini adalah mengenai setor khas dan ianya Yang Berhormat dipohon untuk menampung perbelanjaan bagi pembelian peluru 20 mm Oligan sebagai initial purchase atau pembelian awalan bagi senjata yang dipasang atas kenderaan A atau kenderaan kereta perisai.

Berhubung dengan soal senjata.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Dia minta jalan Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:
Biar saya selesai dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Itu order daripada siapa — tidak tahu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, out of order. Jika dia tidak beri jalan, Yang Berhormat tidak boleh buat remark macam itu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:
Kalau saya beri jalan, barulah boleh jawab. Hari ini kita tidak punya masa.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, tadi dia kata collective responsibility, sekarang saya mahu proof, uji.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:
Inilah collective responsibility, Tuan Pengerusi di mana saya bertanggungjawab di dalam soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi.

Berhubung dengan senjata \$80,000 ini adalah untuk menampung perbelanjaan bagi pembelian gauges untuk senjata 106 mm dan special tools untuk senjata 20 mm. Itu saya rasa nyata, terang. Walau siapa pun menjawabnya itulah jawapannya.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan jenis-jenis kenderaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuching maka suka saya nyatakan di sini ini dipohon untuk pembayaran terakhir bagi kontrak Sibmas termasuk price escalation of the contract, 2 — ton Comba Stonefill yang pada asalnya dijangka akan dibayar pada penghujung tahun 1984.

Berhubung dengan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengenai \$41 juta sekejap tadi, saya suka nyatakan di sini bahawa ini adalah untuk membayar sebagai pembayaran terakhir terhadap contract mine counter-measure vessels yang pada asalnya dijangka dibayar pada tahun

1984 jumlahnya 4 buah semua sekali dan syarikat yang kita beli daripadanya ialah syarikat Intermarine, Italy.

Jadi, saya suka lanjutkan sedikit lagi kepada Yang Berhormat untuk Yang Berhormat mengetahui dengan lebih detail, tarikh penerimaan asal kapal ini ialah 4-1-1984 tetapi ianya dipinda oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan di mana tarikhnya dipinda pada 30-6-85 dan pindaan ini berpunca dan berfaktor. Pertamanya, faktor mogok yang berlaku di Italy dan yang kedua sebab-sebab teknikal seumpama Syarikat Intermarine terpaksa mengurangkan dalam bahasa Inggeris, Tuan Pengerusi, electro-magnetic signature senjata. Dan juga mengurangkan electro-magnetic interference of the ship. Dan itulah sebab kelewatan ini berlaku Syarikat Intermarine, Italy didenda sebanyak \$5,500,000.00.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun penerimaan sebenar kapal-kapal yang empat buah tadi dapat dikendalikan pada tarikh 30-6-85 tetapi ianya dikendalikan pada 23-8-85 sebuah daripadanya, sebuah lagi pada 30-9-85 dan ketiganya pada 18-10-85 dan yang keempatnya pada 11-11-85 berpunca dari kebocoran yang berlaku di snack tank. Barangkali Yang Berhormat tidak tahu apa yang saya kata snack tank. Ini hendak tunjuk dan hendak zahirkan bahawa kami tahu apa yang kami jawab.

Tuan Pengerusi, Syarikat Intermarine, Italy telah didenda sebanyak \$5,740,000.00; jumlah denda yang dibayar oleh syarikat tadi ialah \$11.24 juta.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan tender, katanya tender itu tidak tentu arah. Kami bagi pihak Kerajaan yang bertanggungjawab tidak menjalankan sesuatu tanpa arah, kami mengetahui apa yang kami laksanakan. Jadi, pembelian bagi Kementerian

Pertahanan adalah dibuat melalui tender. Bagi pembelian alat capital yang melebihi \$5 juta adalah dijempit sendiri oleh Perbendaharaan Malaysia, bukan alang kepalang.

Tuan Pengerusi, sukalah juga saya menyatakan di sini bahawa Malaysia adalah sebuah negara perdagangan dan pelabuhan serta keselamatan laut selalunya perlu ditentukan oleh kapal penangkis ranjau. Ini adalah untuk menentukan pelabuhan kita tidak diancam oleh sesiapa jua.

Jadi, Tuan Pengerusi, itulah saya rasa jawapan saya bagi apa yang dibangkitkan oleh saudara saya Yang Berhormat sekejap tadi dan saya sekali lagilah mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada mereka di atas minat mereka yang begitu ketara sekali. Terima kasih.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, jawapan daripada Yang Berhormat tadi walaupun dia telah berusaha tetapi belum mencukupi.

Yang pertamanya, dengan jawapan kepada perkara MCMV ini mengapa empat buah kapal ini dibeli dari Intermarine dan kenapa pilih Syarikat Intermarine, tidakkah ada syarikat lain?

Yang kedua, itu fungsi MCMV ini, adakah ini untuk maksud dengan izin, anti-submarine warfare dan bolehkah ini digunakan untuk tujuan yang saya sebutkan tadi. Setahu saya kelengkapan Sonar yang diadakan tidak sesuai untuk tujuan ini dan juga perondaan di perairan negara adakah perlu MCMV yang begitu mahal dan begitu mewah untuk meronda perairan negara ini. Itulah soalan-soalan yang pokok. Bolehkah Yang Berhormat menjawab dengan tepat.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Pengerusi, saya sudah nyata sekejap tadi bahawa segala kontrak ini

diberi kepada pihak yang berkenaan secara tender. Jadi sudah jelas dan kapal-kapal ini dibeli berasaskan kepada perhitungan yang terperinci, bukan jangkaan sebagaimana kata Yang Berhormat tadi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$65,800,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 25 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1985 di bawah Kementerian Pertahanan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$65,800,000 untuk Maksud P. 25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985.

Maksud B. 29 dan B. 30 (Jadual)—

Maksud P. 28 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B. 29 dan B. 30 dan Kepala P. 28 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas.

5.11 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada Kertas Perintah 13/1986, di mana ada disebut bahawa di bawah Perumahan sebanyak \$768 juta adalah dikehendaki untuk menambah peruntukan Skim Wang Pinjaman Perumahan bagi kakitangan Kerajaan untuk menampung pengeluaran pinjaman yang telah diluluskan kepada kakitangan-kakitangan yang telah.

Tuan Pengerusi: Mukasurat berapa?

Tuan Lee Lam Thye: Mukasurat 5, Kertas Perintah 13/1986. Apa yang saya ingin menyentuh ialah Kepala P. 28 di bawah Perbendaharaan.

Semasa membahas permintaan \$786 juta ini sebagai tambahan kepada Skim Wang Pinjaman Perumahan, saya ingin menyentuh dengan cara ringkas mengenai kadar pinjaman yang dihadkan untuk kakitangan-kakitangan Kerajaan. Saya menyokong peruntukan \$768 juta yang dikehendaki untuk menambah peruntukan Skim Wang Pinjaman Perumahan ini oleh kerana saya berpendapat bahawa Sim Pinjaman Perumahan ini adalah perlu untuk membantu kakitangan-kakitangan Kerajaan yang tidak berumah untuk membeli ataupun untuk membina rumah.

Sambil menyokong peruntukan \$768 juta ini, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menarik perhatian pihak Kerajaan kepada kadar pinjaman yang dihadkan kepada \$7,500 yang boleh dipinjam oleh golongan berpendapatan rendah untuk membina rumah baru.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa pinjaman ini adalah tidak munasabah memandangkan kepada kenaikan kos pembinaan rumah sejak tahun-tahun kebelakangan ini. Saya ingin mencadangkan di sini, memandangkan bahawa had maksima pinjaman sebanyak \$7,500 telah ditetapkan pada tahun 1978, agar had maksima ini dapat dinaikkan kepada satu kadar yang munasabah iaitu sebanyak \$10,000. Saya juga mencadangkan bahawa pengenaan faedah 5½% setahun ini dikurangkan kepada 4%.

Saya menghuraikan kedua-dua perkara ini oleh kerana saya berpendapat bahawa inilah satu cara yang bermakna yang boleh membantu kakitangan-kakitangan Kerajaan yang

berpendapatan rendah untuk mendapat satu pinjaman yang bermakna untuk kegunaan mereka dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dapat menjelaskan perkara ini dan juga memberitahu sama ada had maksima ini dapat dinaikkan daripada \$7,500 kepada \$10,000. Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

5.15 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, saya merojok kepada mukasurat 4 Kertas Perintah 13 yang menyentuh kepada Maksud P. 28 — Perbendaharaan, yang berbunyi seperti berikut:

“Di bawah Perdagangan dan Perindustrian, sebanyak \$125.5 juta adalah dikehendaki sebagai peruntukan pinjaman kepada “Sabah Energy Corporation” untuk membiayai project Sabah Gas Grid. . .”

Soalan saya ialah bolehkah Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri berkenaan menjelaskan ataupun memberi lebih detail-detail mengenai.

Tuan Pengerusi: Adakah di bawah Kementerian Kewangan, perkara itu?

Tuan Sim Kwang Yang: Ya, mukasurat 48, Kertas Perintah 12.

Tuan Pengerusi: P. 28, ya, ya, \$125.5 juta. Silakan.

Tuan Sim Kwang Yang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri berkenaan memberi detail-detail mengenai projek ini oleh kerana saya pun tidak begitu tahu atas pembangunan pojek ini dan bolehkah Dewan yang mulia ini mendapat tahu daripada pihak Kerajaan tujuan projek

ini? Adakah tujuan untuk membekalkan gas bagi pengguna-pengguna di negeri Sabah dan punca gas ini? Berapakah rumah-tangga akan mendapat faedah daripada pelaksanaan projek itu dan sebagainya? Tetapi lebih penting ialah \$109 juta yang akan diperuntukkan bagi projek Urea-Ammonia ASEAN (Malaysia).

Saya tahu projek ini, kalau saya silap, minta diperbetulkan. Saya tahu projek ini telah siap dibina di Bintulu, Sarawak yang mengeluarkan sejenis baja iaitu Urea-Ammonia dan saya harap dengan pengeluaran Urea-Ammonia daripada projek itu di Bintulu, negara kita iaitu Malaysia dan negara-negara ASEAN boleh menikmati faedah dengan membeli baja itu dengan murah oleh kerana kos membeli baja adalah satu faktor yang meningkatkan kos pengeluaran hasil-hasil pertanian. Soalan saya ialah adakah prioriti pihak Kerajaan untuk membekalkan Urea-Ammonia kepada negara-negara ASEAN ataupun hasil ini akan ditawarkan kepada negara-negara lain seperti India dan sebagainya dan bilakah cargo yang pertama Urea-Ammonia akan dihantar kepada pembeli itu?

Ingin saya mendapat tahu juga asas penyertaan negara-negara ASEAN terhadap projek ini, seperti Malaysia mempunyai beberapa peratus saham, Singapura mempunyai berapa peratus saham dan sebagainya? Jikalau projek ini boleh mendapat keuntungan, bagaimanakah keuntungan ini akan dibahagikan di antara kelima-lima atau keenam-enam negara itu? Ini sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Batang Lupar.

5.20 ptg.

Datuk Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Saya juga bangun untuk membahas dan menyokong Anggaran

Belanjawan Mengurus dan Belanjawan Pembangunan Tambahan Kedua, 1985 yang diminta oleh Kementerian Kewangan di bawah P. 28, B. 29 dan B. 30 dan wang yang berjumlah besar ialah \$3,056,522,652.

Tuan Pengerusi, kita sedia maklum dalam beberapa tahun kebelakangan bahawa di mana-mana negeri pun walaupun di negara maju diseluruh negara didapati masih banyak terdapat memerlukan peruntukan tambahan. Semalam kita mendengar Yang Berhormat dari Petaling mungkin yang Berhormat itu sengaja mengkritik di dalam Dewan yang mulia ini untuk kepentingan mereka sendiri memandangkan pilihanraya sudah dekat, ataupun, dengan izin, around the corner.

Tuan Pengerusi, pada hemat saya Malaysia sebuah negara yang sedang membangun dan perlu dibangunkan di bandar ataupun di luar bandar, tetapi oleh kerana masa ini iaitu masa tahun yang lalu negara kita sentiasa menghadapi beberapa kesulitan. Kesulitan itu sudah pasti seperti dalam tahun 1986 ini sepatutnya dalam bulan Mac ini sudah mulai kemarau, tetapi tahun ini banyak kawasan terdapat berlakunya banjir dan ini menunjukkan bahawa kemusiman di negara kita telah bertukar. Biasanya banjir sentiasa berlaku di dalam bulan Disember sehingga bulan Februari.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap di bawah Kepala apa itu?

Datuk Edwin anak Tangkun: P. 28 dengan B. 29 dan B. 30.

Tuan Pengerusi: Ya, adakah bersangkutan dengan banjir?

Datuk Edwin anak Tangkun: Tidak juga, tetapi saya minta wang itu supaya dipercepatkan. Itulah maksud saya nanti.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh, sekarang ini bukan boleh diminta. Sekarang ini ialah kita membincangkan di atas wang-wang yang telah pun dibelanjakan dan diminta lulus.

Datuk Edwin anak Tangkun: Jadi semua rancangan jikalau macam selalunya berlaku banjir jadi rancangan bandar ataupun di luar bandar kita tergendala. Jadi pihak kontraktor luar bandar ataupun kontraktor tempatan tidak dapat menjalankan tugas mereka.

Tuan Pengerusi: Tetapi itu tidak termasuk di bawah Kepala yang dibincangkan sekarang.

Datuk Edwin anak Tangkun: Sebab itu, Tuan Pengerusi, kita tahu untuk mempercepatkan dasar melaksanakan projek-projek di bandar ataupun di luar bandar, pihak kontraktor tidak dapat mengikut jadual.

Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya sekali lagi bercakap dalam Anggaran Tambahan ini, saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya peruntukan yang disediakan terhadap pembangunan bandar dan luar bandar perlu dihantarkan kepada Kerajaan Negeri dengan cepat kerana saya difahamkan semua peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan sangat lewat dihantarkan kepada Kerajaan Negeri, khasnya kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Kadangkala sampai ke negeri Sarawak di dalam bulan Oktober atau pertengahan bulan November dan oleh kerana waran itu terlambat maka pegawai-pegawai di jabatan berkenaan ataupun kontraktor tidak dapat mempercepatkan pelaksanaan pembangunan yang telah disusun dalam rancangan Kerajaan dan oleh sebab itu kita sentiasa membangkitkan Anggaran Belanjawan Mengurus Tambahan memandangkan projek yang dirancang dalam tahun 1984 tidak

dapat dilaksanakan tetapi dapat disiapkan dalam tahun 1985 dan ini kita memerlukan peruntukan semacam ini.

Tuan Pengerusi, pada hemat saya, selepas Dewan Negara meluluskan perbelanjaan tahunan, maka semua peruntukan yang diperolehi perlu dihantar kepada Kerajaan Negeri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap tidak mengikuti Peraturan Mesyuarat. Peraturan ini sekarang kita bercakap di atas detail, bukan di atas dasar. Saya minta Yang Berhormat bercakap di atas detail serta butirnya.

Datuk Edwin anak Tangkun: Contohnya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Contohnya pun di atas butir.

Datuk Edwin anak Tangkun: Jadi, apabila Kerajaan menghantarkan sekiranya bulan Mei sehingga bulan Ogos, saya fikir pihak kontraktor dan kontraktor tempatan akan dapat menjalankan tugas mereka dengan sempurna. Namun demikian saya sekali lagi merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya bahagian peruntukan kepada Kerajaan Negeri dapat dihantarkan lebih awal lagi. Namun demikian, Tuan Pengerusi, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya kerjasama beliau dengan Kerajaan Negeri perlu diperkukuhkan dengan lebih rapi lagi supaya rancangan pembangunan di bandar ataupun di luar bandar dapat diperluaskan dengan lebih berkesan. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong.

5.26 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Maksud P. 28 Kertas Perintah 12, muka surat 48.

Tuan Pengerusi: Muka surat berapa?

Dr Tan Seng Giaw: Muka surat 48, sebanyak \$368 juta diperlukan untuk menambah peruntukan Skim Wang Pinjaman Perumahan seperti projek Infrastruktur Perikanan dan Butiran Kapal-kapal TLDM yang telah pun saya bangkitkan tadi. Wang ini juga tidak dikeluarkan daripada Simpanan Luar Jangka. Manakah sumber wang ini? Seterusnya, apakah bilangan permohonan pinjaman cadangan Kerajaan yang telah diluluskan, apakah jumlah wang pinjaman yang terlibat, apakah bilangan permohonan dan mereka yang berjaya dalam setiap kategori kakitangan Kerajaan sebab butir-butir yang terperinci ini tidak diberi di dalam Kertas-kertas Perintah yang diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini. Saya berharap Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan Menteri dapat menjawab soalan-soalan seperti ini.

Mengenai projek Urea Ammonia ASEAN yang rakan saya pun ada bangkitkan, wang \$109 juta diperuntukkan, tetapi sumbernya juga tidak diketahui dari manakah pihak Kerajaan memperolehi wang ini. Ini adalah penting kerana kalau kawalan yang ketat tidak diadakan ke atas peruntukan seperti ini, maka kita tidak akan mendapat satu projek Urea Ammonia ASEAN yang berjaya. Saya berharap projek yang pertama ini dapat dijayakan dan ada juga, Tuan Pengerusi, B. 29 dalam Kertas Perintah 10 muka surat 6, Kertas Perintah 11 muka surat 6 dan Kertas Perintah 14 — Perkhidmatan Am Perbendaharaan, tambahan sebanyak \$54,056,100 untuk membolehkan Kerajaan menyerahkan kepada Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu bayaran pampasan ke atas pengambilan balik tanah oleh Kerajaan Singapura di Republik itu. Apakah jumlah besar pampasan seharusnya dibayar balik oleh pihak Singapura kepada pihak KTM? Apakah jumlah daripada wang

pampasan yang sudahpun dibayar balik termasuk \$54,056,100 ini? Apakah tempoh pembayaran balik yang telah dipersetujui di antara pihak KTM dengan Kerajaan Singapura?

Sudah berapa tahunkah bayaran balik ini dibuat. Bilakah pihak Kerajaan Malaysia menerima bayaran pampasan sebanyak \$54,056,100 dan bagaimanakah pihak KTM bercadang untuk menggunakan wang ini? Dan setakat ini saya berharap sistem KTM sama ada sistem pentadbiran atau perkhidmatan dengan pampasan yang begitu banyak dapat diperbaiki lagi.

Dan ada lagi Maksud B. 30 peruntukan Kumpulan Wang Terkanun Kertas Perintah 10, muka surat 6, Butiran 4, Kertas Perintah 11, muka surat 6. Tuan Pengerusi, di dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menganggap perbelanjaan \$2 bilion ini sebagai senda gurau. Sudah tentu sebutan angka hutang luar negeri yang palsu mungkin adalah tanda tidak taat setia, maka kepentingan rakyat telah dibahas dengan kacau bilau. Tuan Pengerusi, kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri dimasukkan minyak tanah sehingga mementingkan kacau-bilau Dewan Rakyat tidak diberi butir-butir bekalan tambahan dengan lengkap.

Yang Berhormat dari Temerloh barangkali tidak menghiraukan negara boleh ditimpa malang tidak berbahu bagaimana sistem kewangan negara ini boleh menjadi cekap. Dan tambahan sebanyak \$2 bilion untuk dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan bagi membiayai projek-projek pembangunan Kerajaan. Sejumlah \$3 bilion akan dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 1985. Dan sekali lagi saya menekankan apakah di antara projek pembangunan Kerajaan yang dirancangkan. Yang Berhormat pun ada mendapat masa semalam

untuk menyenaraikan projek-projek ini, bagaimanakah wang ini akan diagihkan di antara projek-projek ini, dari manakah pihak Kerajaan akan memperolehi wang tambahan ini memandangkan bahawa sumber dari mana wang dikeluarkan tidak dikemukakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.34 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Mula-mula saya hendak menyentuh tentang pinjaman sebanyak \$767 juta kepada Kementerian Kewangan untuk membiayai Skim Wang Pinjaman Perumahan.

Sebenarnya, saya sudah jawab perkara ini sewaktu menggulung perbincangan dasar semalam, yakni wang ini adalah diperlukan dan telah pun dibayar untuk 23,890 permohonan pinjaman-pinjaman perumahan yang diluluskan dalam tahun 1985. Oleh sebab dalam tahun 1985 hanya ada \$10 sebagai tanda sahaja, sebab kita tidak tahu berapa banyak tiap-tiap tahun itu permohonan akan diluluskan, maka itu kita letak-tandakan \$10 dan apabila diperlukan nanti kita memohon melalui Dewan ini sebagai tambahan, sebab ini adalah pinjaman dan pinjaman ini ertinya akan dibayar balik oleh peminjam-peminjam.

Cuma yang menjadi soal sekarang pinjaman ini dibayar di dalam masa 25 tahun sepanjang-panjangnya ataupun kecuali seorang itu hendak memendekkan waktu pinjamannya. Jadi, wang ini sebenarnya bukan diberi peruntukan secara langsung. Maka itulah kalau Yang Berhormat berkenaan tengok di muka 48, tengok juga muka surat 49 di bawah barisan 12, barisan 12 itu pinjaman, barisan 11 cara langsung. Jadi itulah yang

disebokkan sangat, tak boleh faham-faham. Inilah yang saya hairankan sangat.

Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membuat cadangan yang baik, ini seorang Pembangkang selalu membuat cadangan-cadangan yang baik. Dia mencadangkan supaya pinjaman yang berjumlah \$7,500 itu dinaikkan sedikit kepada \$10,000. Cadangan ini baik, cuma malang sedikit sahaja, perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar diuruskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tetapi pinjaman yang dikelolakan oleh Kementerian Kewangan yang menelan belanja sebanyak \$768 juta telah pun dinaikkan had maksima. Mereka yang berpendapatan rendah, mereka di dalam Kumpulan "D" boleh mendapat pinjaman sebanyak \$30,000. Dan bagi mereka di dalam tentera dan juga polis berpangkat rendah kepada \$47,000. Walau bagaimanapun, di atas cadangan yang baik itu saya berterima kasih juga. Tuan Pengerusi, pada kiraan kita seseorang tidak boleh membelanjakan lebih daripada satu pertiga — bagi mereka yang berpendapatan rendah, satu pertiga daripada pendapatannya untuk rumah, nanti tidak ada pula untuk hendak membeli makanan, penyelenggaraan lain dan sebagainya.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuching berkenaan dengan Butiran 15 dan 20 di bawah P. 28. Ini juga pinjaman sebanyak \$109 juta bagi Projek Urea-Ammonia ASEAN; dan di bawah Sabah Gas Grid sebanyak \$125,466,552. Tuan Pengerusi, sebenarnya ini juga pinjaman bukannya pemberian cara langsung atau geran, ini adalah dua commercial project. Commercial project maka saya tidak dapat memberi keterangan-keterangan lanjut sebab

kalau kita beri keterangan mengenai commercial project sudah tentulah tidak lagi menjadi strategi kepada projek-projek yang berkenaan. Jadi, saya rasa tidak perlu saya beri secara detail selain daripada memaklumkan bahawa ini juga pinjaman, bukannya peruntukan seperti peruntukan-peruntukan lain.

Kemudian Ahli Yang Berhormat dari Kepong sekali lagi membangkitkan tentang \$768 juta. Saya rasa ini sudah jawab. Kemudian dia membangkitkan pula tentang \$54 juta. \$54 juta ini dengan amat jelas dinyatakan dalam Kertas Perintah 11 Tahun 1986. Saya bacakanlah untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

"Maksud B. 29 — Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Tambahan sebanyak \$54,056,100 adalah dikehendaki untuk membolehkan Kerajaan menyerahkan kepada Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu barang pampasan atas pengambilan balik tanah miliknya oleh Kerajaan Singapura di Republik Singapura. Bayaran pampasan bagi pengambilan balik tanah tersebut telah diterima oleh Kerajaan Malaysia daripada Kerajaan Singapura."

Ini macam, Tuan Pengerusi, Singapura hendak bayar Keretapi Tanah Melayu tetapi dia tidak bayar terus kepada Keretapi, bayar kepada Kerajaan Malaysia. Kerajaan Malaysia bayar balik kepada Keretapi Tanah Melayu. Oleh sebab wang itu telah dimasukkan ke dalam Consolidated Fund. Inilah satu perkara Yang Berhormat dari Kepong tidak mahu faham, saya sudah cakap semalam. Hari ini dia tanya lagi, wang yang dimasukkan dalam Consolidated Fund hendak dikeluarkan balik walaupun 1 sen mesti minta kebenaran Parlimen, ini sahaja. Dia masukkan duit itu, orang Singapura beri kepada Malaysia hendak bayar

kepada Keretapi Tanah Melayu, maka sekarang kita hendak keluarkan balik wang itu terus kepada Keretapi Tanah Melayu, tak rugi Kerajaan 1 sen, tak untung pun 1 sen, itu sahajalah. Saya harap, Tuan Pengerusi, lepas penerangan ini tak perlulah dia tanya lagi banyak-banyak.

Tuan Pengerusi: Saya pun faham (*Ketawa*).

Dato Sabbaruddin Chik: Ha, tetapi dia tak faham, Tuan Pengerusi (*Ketawa*). Inilah yang saya hairan sangat, sampai hari ini sebut Wakil dari Temerloh pula, biasa tak pernah sebut begitu, dia kata saya bergurau-gurau. Saya marah betul kalau dia kata bergurau-gurau ini, saya tak pernah bergurau dengan dia secara seperti ini, seolah-olah saya tidak serius di dalam kerja saya. Saya harap dia ambil ingatan terakhir, seolah-olah saya tak taat setia, macam-macam.

Semalam saya sudah terangkan tentang B. 30, ini wang \$2,000 juta. \$2,000 juta ini juga daripada Consolidated Fund kepada akaun Kumpulan Wang Pembangunan, itu sahaja yang kita hendak buat. Kalau sekiranya kita hendak meluluskan projek-projek lain, kita minta kelulusan lain, ini hendak meluluskan pindaan dari akaun yang disatukan kepada Kumpulanwang Pembangunan. Itu sahaja, itupun tak faham juga. Saya haraplah Ahli dari Kepong janganlah menganggap orang lain main-main macam dia sahaja. Dia tidak ada kerja lain, tulis surat pun orang lain, dia punya ucapan pun orang lain boleh buat, barangkali. Saya terpaksa buat sendiri walaupun pegawai-pegawai beri nota-nota, kita kadang-kadang baca pun tak sempat.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya haraplah bukan kita di sini main-main, kita serius dan kita serius ini tidak pernah lebih serius apabila berhujah dengan DAP ini pula pilihanraya entah bila.

Jadi, saya haraplah dengan ulasan ini tak perlu lagi saya memberi penjelasan-penjelasan yang lain.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$54,056,100 untuk Maksud B. 29 dan \$2,000,000,000 untuk Maksud B. 30 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$54,056,100 untuk Maksud B. 29 dan \$2,000,000,000 untuk Maksud B. 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,002,466,552 yang disebutkan dalam Maksud P. 28 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1985 hendaklah diluluskan

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,002,466,552 untuk Maksud P. 28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985.

Maksud B. 33 (Jadual)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B. 33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

5.43 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Kertas Perintah 10, muka surat 6, Kertas Perintah 11, muka surat 6 juga, tambahan sebanyak \$35 juta sebagai pemberian kepada Lembaga Padi dan

Beras Negara bagi menambah modal Lembaga tersebut untuk membeli padi tempatan.

Apakah jumlah tan metrik padi yang dapat dibeli dengan wang \$35 juta ini? Berapa lamakah wang ini dapat digunakan dalam pembelian padi tempatan?

Dengan pembelian yang bernilai \$35 juta ini, apakah tingkatan harga padi yang dapat dicapai dalam usaha LPN untuk menstabilkan harga padi. Apakah harga dasar yang tersedia ada sekarang?

Apakah harga belian yang diberi oleh LPN kepada petani-petani?

Dan apakah kandungan dalam tan metrik dalam stockpile Kerajaan pada masa ini. Adakah ini termasuk padi yang dibeli dengan wang \$35 juta ini?

Dengan peruntukan seperti ini, saya berharap Lembaga Padi dan Beras Negara dapat memainkan peranan yang lebih berkesan lagi.

Sekian, terima kasih.

5.44 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Pengerusi, banyak soalan nampaknya, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong.

Wang sebanyak \$35 juta ini adalah merupakan peruntukan tambahan untuk membolehkan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) untuk membeli padi yang agak berlebihan sedikit sepanjang tahun 1985 oleh sebab-sebab keadaan yang tertentu. Antara lainnya, ialah kerana tahun 1985 penghasilan padi agak berlebihan kerana salah satu perkaranya, sebahagian daripada petani-petani kita telah menanam padi IR 42. Hasil daripada baka ini agak lebih baik sedikit, maka padi bertambah.

Perkara keduanya, ialah kerana hasil daripada IR 42 itu juga pihak swasta yang selalunya membeli sebahagian besar padi daripada pihak petani tidak begitu ghairah membeli padi pada tahun 1985 kerana hasil (return) padi-padi IR 42 yang apabila dijadikan beras tidak seperti biasa, pulangnya agak kecil sedikit.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, mengenai harga beras, harga padi, perkara dasar dan sebagainya memang terdapatlah dalam gazet-gazet yang telah pihak Kementerian atau LPN keluarkan kerana padi dan beras adalah merupakan barang kawalan. Jadi, saya rasa tak payahlah saya sebut di sini pada petang ini. Kalau sekiranya Yang Berhormat itu mahu merujuk kepada perkara-perkara yang tersebut dan kalau sekiranya beliau tidak dapat menemui bahan-bahan tersebut, insya Allah, saya akan beri kepada beliau.

Perkara keempat atau kelima yang beliau minta ialah mengenai subsidi. Subsidi juga adalah satu perkara yang telah ditetapkan, biarlah saya sebut perkara ini, Tuan Pengerusi, satu sahaja, iaitu bagi 100 kilogram, subsidiya ialah \$16.54, asalnya 1 pikul \$10.00.

Seterusnya, masalah stockpile. Stockpile ialah soal beras. Oleh sebab perkara stockpile ini merupakan satu perkara strategik negara, saya pohon izin mungkin saya tidak dapat memberi kenyataan-kenyataannya pada petang ini.

Agaknya itu sahajalah, Tuan Pengerusi. Sekali lagi terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$35,000,000 untuk Maksud B. 33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$35,000,000 untuk Maksud B. 33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B. 35 dan B. 38 (Jadual)—

Maksud P. 36 dan P. 40 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 35 dan B. 38 dan Kepala Pembangunan P. 36 dan P. 40 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas.

5.48 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil peluang ini untuk menyentuh Kepala Pembangunan P. 40 di bawah Kementerian Dalam Negeri, iaitu yang berkaitan dengan Jabatan Penjara di mana satu peruntukan \$4.8 juta adalah diperlukan untuk tujuan dan maksud yang disebut dalam Kertas Perintah 12, iaitu di muka surat 58 dan 59, iaitu sejumlah \$2.8 juta diperlukan untuk pembangunan Penjara Pusat di Kajang dan juga satu peruntukan berjumlah \$2 juta diperlukan untuk Bangunan-bangunan Penjara.

Semasa membahaskan Maksud P. 40 ini, izinkan saya menyentuh perkara tentang penjara dan juga masalah tentang kesesakan dalam penjara oleh sebab saya rasa bahawa perkara ini adalah yang berkaitan.

Menyentuh perkara penjara saya suka melahirkan rasa kebimbangan saya mengenai masalah kesesakan akibat daripada ramai banduan-banduan di dalam penjara. Tuan Pengerusi, dalam jawapan lisan kepada soalan saya bertarikh 28hb Mac ini, Timbalan Menteri Dalam Negeri berkata bahawa kesesakan dalam

penjara adalah satu masalah yang serius dan beliau menambah bahawa bilangan banduan di dalam penjara diseluruh negara telah bertambah dari 9,225 orang dalam tahun 1980 kepada 18,192 orang sehingga akhir tahun 1985 dan Timbalan Menteri juga menjelaskan bahawa hanya terdapat 4,209 orang kakitangan penjara sahaja sekarang yang melayani banduan seramai 18,192 orang. Ketidakseimbangan kakitangan dan banduan telah mengakibatkan beberapa kes melarikan diri dari penjara atau percubaan melarikan diri.

Keadaan ini sungguh serius dan pada pendapat saya menghendaki tindakan di dalam untuk mengatasi kesesakan dalam penjara ini dan sebagai contoh Penjara Pudu yang terletak di dalam kawasan saya, yang sebenarnya dibina untuk memuatkan hanya 800 orang banduan, tetapi pada masa kini terdapat lebih daripada 4,500 orang banduan dan kebanyakan mereka menjalani hukuman oleh kerana kesalahan dadah. Kerajaan hendaklah membina lebih banyak penjara sebagai tambahan kepada yang dirancangan dibina pada masa sekarang di mana peruntukan di sini telah dipohon ataupun hendak mengambil satu pendekatan, satu approach, dengan izin, untuk menjalankan hukuman ke atas mereka yang bersalah bagi mengurangi kesesakan dalam penjara. Malah dengan tersiapnya penjara-penjara di Kajang yang disebutkan di dalam Kertas Perintah 12 ini, dan pembukaan penjara baru di Marang, di Negeri Terengganu, Simpang Renggam, Johor, dan Penor di negeri Pahang Darulmakmur, saya tidak terfikir masalah kesesakan dalam penjara akan di atasi dengan mengambil pertimbangan pertambahan kadar jenayah dalam negara ini memandangkan banyaknya masalah sosial yang dihadapi oleh negara kita seperti masalah pengangguran. Untuk kesalahan tertentu, terutamanya kes-kes bukan

jenayah, adalah tidak perlu bagi banduan yang ada sekarang menjalani hukuman dalam jenis penjara yang ada sekarang. Pihak berkuasa berkenaan hendaklah mengkaji kemungkinan untuk melaksanakan cadangan mengadakan penjara terbuka ataupun concept of open prison atau sebagainya sebagai alternative, satu cara untuk menjalani hukuman menerusi kerja-kerja kemasyarakatan.

Masalah kesesakan dalam penjara bertambah kerana pertambahan bilangan banduan remand, dengan izin, remand prisoners. Malaysia yang mempunyai lebih kurang 9,000 orang banduan remand dipercayai menduduki tempat kedua dalam kawasan Asia Pasifik selepas negara Sri Lanka. Adalah didapati juga bahawa 45% dari jumlah banduan dalam penjara-penjara kita pada hari ini adalah banduan remand. Pertambahan bilangan banduan remand adalah oleh kerana pihak Polis tidak berkeupayaan membuat pendakwaan dalam kes-kes tertentu. Bagi membantu mengatasi masalah ini, Polis pada pandangan saya tidak seharusnya menahan mereka yang disyaki sehingga siasatan dapat disiapkan, supaya pendakwaan boleh dibuat dengan segera. Satu lagi sebab pertambahan bilangan banduan remand dalam penjara kita ialah kerana terdapat ramai yang ditahan kerana kesalahan yang tidak boleh dijamin kerana mereka tidak mampu membayar jaminan. Kesesakan dalam penjara juga disebabkan oleh bilangan pesalah-pesalah dadah yang besar yang di tahan di bawah operasi yang dibuat oleh pihak Polis.

Maka saya suka mencadangkan di sini bahawa pesalah-pesalah dadah tidak boleh diletakkan bersama-sama dengan banduan-banduan yang melakukan kesalahan jenayah berat dan lain-lain anasir yang tidak bertanggungjawab kerana pendedahan sebegini boleh menjadikan lebih buruk lagi masalah ketagihan mereka kepada

dadah masih ada dan kadangkala penagih masih boleh mendapat bekalan dadah menerusi kakitangan penjara yang tidak bertanggungjawab. Maka kesalahan dadah hendaklah dilayani sebagai kes khas dan mereka hendaklah dihantar ke pusat pemulihan dan saya gembira kerana lebih banyak pusat sedang dirancang untuk dibina, maka pada kesimpulannya tentang peruntukan untuk penjara pusat Kajang dan juga bangunan penjara yang lain tentulah saya menyokong. Saya harap bahawa sungguhpun lebih banyak penjara akan di bena tetapi masalah kesesakan ini masih terus wujud kecuali kita dapat mencari satu pendekatan yang baru untuk menghadapi masalah kesesakan banduan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Balik Pulau.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang memberi peluang saya bercakap. Saya hendak bercakap mengenai maksud Pembangunan 36, Polis Diraja iaitu mengenai kelengkapan Butiran 11 yang bertajuk Lanci-Lanci Polis di muka surat 58, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian kepada Kementerian yang berkenaan mengenai kekurangan bot-bot untuk Polis yang menjaga penjara di Pulau Jerjak di mana setakat ini pihak pengawal penjara atau pihak polis penjara hanya menggunakan bot-bot yang disediakan oleh pihak Syahbandar iaitu berulang-alik antara Pulau Jerjak dengan Pulau Pinang. Masalahnya ialah mengenai kebajikan anak-anak Polis penjara ini di mana setiap hari lebih kurang 100 orang anak-anak polis penjara di Pulau Jerjak ini sentiasa menggunakan bot-bot dari Pulau Jerjak ke Pulau Pinang. Masalahnya bot ini pada waktu pagi hanya sekali sahaja diadakan perkhidmatan, bukan khusus untuk

murid-murid sekolah tetapi dibuka untuk semua penduduk, semua orang boleh gunakan yang itu. Jadi masalahnya murid-murid sekolah ini berebut-rebut naik bot, kalau terlewat, maka murid-murid ini, anak-anak pegawai penjara ini akan lewat sampai ke sekolah, lebih kurang pukul 10.00 baru boleh sampai, kerana mereka ini menggunakan bot yang disediakan oleh pihak Syahbandar, bukan bot-bot polis, pihak Polis tidak menyediakan sebuah bot pun untuk kemudahan anak-anak polis di penjara di Pulau Jerjak.

Kita menyediakan penjara ini untuk orang-orang tahanan dan orang-orang penagih dadah. Kita lebih jaga mereka daripada pihak Polis sendiri yang sentiasa memberi kawalan dan memberi khidmat yang sangat baik kepada negara ini, dan kita tidak memperdulikan hal ehwal kebajikan mereka. Sudah beberapa kali mereka ini meminta dikhaskan sebuah bot khusus untuk anak-anak Polis ini pergi ke sekolah dan balik dari sekolah. Itu masalah semasa pergi. Semasa balik dari sekolah begitu juga, murid-murid yang umurnya enam tahun, tujuh tahun, yang bersekolah rendah, kalau dia terlewat daripada pukul dua, menaiki bot yang pergi ke Pulau Jerjak, pukul enam petang baru boleh dia sampai ke rumah, kerana giliran perjalanan bot itu ialah pada pukul 2.00 pukul 4.30 dan sebagainya. Ini kerana memandangkan perkhidmatan itu disediakan oleh Syahbandar, bukan khusus untuk murid-murid. Jadi, saya minta pihak Kementerian Dalam Negeri supaya menyediakan sebuah bot khas untuk kebajikan anak-anak pegawai Penjara di Pulau Jerjak.

Sekarang ini oleh sebab tidak mencukupi pengangkutan itu, pihak Polis tadi telah buat punggutan antara mereka dan membeli sebuah perahu yang panjangnya lebih kurang 30 kaki dan perahu ini dinaiki sampai 50 orang

murid-murid. Kalau musim cuaca baik, tidak mengapa. Tetapi kalau musim cuaca buruk, kemungkinan berbagai-bagai perkara boleh berlaku. Jadi, saya sangat sedihlah di atas perkara ini. Malahan tidak ada pula orang yang mengelolakan perahu tadi ini, cuma panggil mana-mana Polis yang tidak bertugas membawa anak-anak ini pergi. Dia bukan ahli dalam bidang itu. Ini masalah dia. Jadi, saya di sini merayu kepada pihak yang berkenaan supaya menyediakan sebuah bot khas untuk melihat kebajikan anak-anak Polis yang bersekolah sama ada sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Kalau ada bot khas ini, tidaklah payah murid-murid atau anak-anak Polis yang menjaga penjara di Pulau Jerjak ini berebut-rebut dengan orang ramai yang akan menggunakan bot yang disediakan oleh pihak Shah Bandar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Matang.

6.03 ptg.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abul Hamid (Matang): Tuan Pengerusi, di sini saya ingin menyentuh Maksud P. 40, iaitu Jabatan Penjara, Butiran 2 iaitu peruntukan untuk Bangunan-bangunan Penjara berjumlah secara langsung \$2 juta.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu daripada pihak Kementerian Dalam Negeri, adakah peruntukan bangunan-bangunan penjara yang perbelanjaan tambahan berjumlah \$2 juta ini termasuk juga bangunan tambahan di Penjara Taiping. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Penjara di Taiping ini pada satu ketika adalah satu daripada penjara yang terbesar di negara ini yang mana baru-baru ini saya ada membuat lawatan ke penjara yang berkenaan. Saya rasa semua orang tahu bahawa Taiping adalah menjadi Ibu Pejabat ataupun "headquarters" bagi Jabatan Penjara

ketika ini. Tetapi apa yang mendukacitakan sedikit bahawa Bangunan Penjara di Taiping itu adalah kalau tidak salah saya, bangunan penjara yang tertua di negara ini. Jadi, apa yang kita dapat lihat dalam penjara itu sebagaimana kata Wakil daripada Kuala Lumpur Bandar tadi, begitu juga dengan Penjara di Taiping. Dalam penjara Taiping ini, kalau tidak salah saya, lebih daripada 1,000 orang banduan-banduan. Saya lihat keadaan bilik-bilik.

Tuan Sim Kwang Yang: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: On a Point of Order.

Tuan Pengerusi: On a Point of Order, sila duduk.

Tuan Sim Kwang Yang: Peraturan Mesyuarat 67 mengenal hal ke atas perbincangan dalam peringkat Committee. Tuan Pengerusi, \$2 juta itu ialah untuk membiayai pembinaan penjara Remand Tahanan Imigeresen di Kajang, Selangor dan di Simpang Renggam, Johor, tetapi tidak di Taiping.

Tuan Pengerusi: Ya, tidak bersangkutan dengan Taiping.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih. Dari sini, saya cuma membawa ini untuk pengetahuan Menteri atau Timbalan Menteri Dalam Negeri. Di sini saya lihat tidak ada langsung yang mana saya terangkan bahawa Penjara di Taiping itu ialah sebuah penjara yang terbesar. Dalam masalah ini, untuk pengetahuan, walaupun benda ini mengenai peruntukan tambahan bagi tahun yang sudah, jadi, adakah

peruntukan-peruntukan daripada sini yang disalurkan untuk kebaikan Penjara di Taiping tadi.

Mengenai penjara-penjara di negara kita ini termasuk di tempat saya di Taiping itu, keadaan tempat tinggal ataupun bilik-bilik banduan tadi begitu sempit, yang mana dalam satu bilik ada yang bercampur dengan orang-orang kaki dadah dan juga yang lain-lain lagi. Inilah yang menjadi persoalan yang mana pihak Kementerian Dalam Negeri seharusnya sedar dalam masalah ini kerana banduan-banduan dari bahagian penghisap dadah ini apabila mereka ditangkap, dibunuh dalam lokap; apabila dibicara, dibunuh pula dalam penjara. Dalam keadaan yang begitu ramai sekali banduan-banduan jadi kesesakan bilik ataupun tempat untuk diletakkan banduan-banduan tadi tidak begitu sesuai. Saya berharap kepada pihak Kementerian agar membuat kajian.

Begitu juga dengan masalah banduan-banduan dalam penjara ini. Apa yang saya mendapat tahu — ini untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri — bahawa ada juga kakitangan penjara sendiri yang membawa masuk dadah kepada banduan-banduan yang terlibat dalam masalah dadah. Baru-baru ini ada seorang pegawai rendah yang memberitahu kepada saya, dan saya telah bertanya mengapa dia tidak melaporkan kepada pihak atasan. Dia kata, "Itu bukan tugas saya". Tetapi walau bagaimanapun, ini untuk pengetahuan pihak Kementerian supaya perkara-perkara ini tidak berlaku sehingga sanggup ada di antara orang-orang yang bertanggungjawab membawa benda-benda seperti dadah untuk diberi kepada banduan-banduan tadi. Inilah sahaja pandangan saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Maksud B. 35, Kertas Perintah 10 dan 11, tambahan \$2,500,000 untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai perbelanjaan "Perkhidmatan dan Bekalan" di bawah Program Pentadbiran Awam. Apakah bentuk perbelanjaan yang termasuk di bawah kategori perkhidmatan dan bekalan ini? Dan apakah di antara aktiviti-aktiviti yang akan terlibat? Bagaimanakah wang ini akan diagihkan di antara aktiviti-aktiviti ini?

Maksud B. 38, Kertas Perintah 10 dan 11, tambahan sebanyak \$55,460 untuk menampung kadar baru sewaan ruang pejabat berikutan dengan perpindahan Ibu Pejabat Jabatan ke Plaza Pekeliling, Kuala Lumpur. Adakah wang ini untuk kegunaan bayaran sewa bagi satu tahun atau lebih? Apakah kadar baru dan apakah kadar sewa yang lama?

Tuan Pengerusi, Maksud P. 40, Kertas Perintah 12, mukasurat 58 mengenai Penjara Pusat, Kajang dan Bangunan-bangunan Penjara, baru-baru ini terdapat setengah-setengah kakitangan serta setengah-setengah banduan di Penjara Pusat, Kajang yang bersama-sama mencuri buah-buahan tempatan yang ditanam oleh pihak swasta.

Tuan Pengerusi: Itu saya rasa tak bersangkutan.

Dr Tan Seng Giaw: Ada bersangkutan, Tuan Pengerusi, yang sangkut dengan Pusat Penjara, Kajang. Bersangkut dengan itu kerana saya hendak sentuh mengenai latihan dan disiplin yang akan dikenakan.

Tuan Pengerusi: Tidak sangkut dengan latihan itu. Ini adalah berkenaan dengan Penjara Pusat.

Dr Tan Seng Giaw: Ya, betul. Itu Penjara Pusat, apa yang berlaku di dalam dan di luar Penjara Pusat, Kajang.

Tuan Pengerusi: Saya rasa duit itu diuntukkan untuk bangunan sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya berharap konsep open prison, sebenarnya kerana pihak penjara hendak melaksanakan konsep open prison itu yang berlakunya pencurian seperti yang saya sebutkan tadi. Sistem open prison ini adalah satu konsep yang baik, cuma kerana dalam peringkat kawalan berlakulah penyelewengan dan sebagainya dan saya berharap pihak penjara dapat mengambil perhatian supaya aktiviti-aktiviti yang tidak diinginkan tidak berulang lagi. Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila menjawab.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana sekejap tadi telah mengambil bahagian dan mengemukakan beberapa pertanyaan terhadap Kementerian Dalam Negeri. Sebelum itu, ingin saya menjawab bagi pihak Kementerian.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah bercakap dengan panjang lebar berhubung masalah kesesakan penjara. Masalah ini diketahui umum dan pihak Kerajaan mengambil beberapa tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi kesesakan yang berlaku pada masa ini.

Pihak Kerajaan telah pun mewujudkan penjara terbuka

umpamanya Penjara Marang, Terengganu, kini dalam pelaksanaan, Penjara Pengkalan Chepa boleh dikatakan berfungsi pada hari ini dan juga Penjara Penuh Pahang di mana ianya masih dalam pelaksanaan.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau iaitu mengenai perkhidmatan pengangkutan khas bagi murid-murid sekolah yang mendiami kawasan Pulau Jerjak, suka saya menyatakan bahawa pihak Kementerian kini sedang mengambil perhatian semoga persoalan itu dapat diatasi. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sudah mempunyai satu bot khas tetapi bot ini digunakan bagi tujuan khas misalnya masa kecemasan dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat sebut sekejap tadi pelajar-pelajar atau murid sekolah yang berada di Pulau Jerjak kini menggunakan bot Shahbandar. Sebagaimana saya terangkan tadi, pihak Kementerian akan mengambil perhatian yang serius terhadap apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sekejap tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Matang membawa perkara yang berhubung dengan dadah di mana katanya ada kakitangan penjara yang membawa masuk dadah ke penjara. Dadah, Tuan Pengerusi, merupakan musuh ketat negara dan pihak Kerajaan mengambil apa juga tindakan yang sesuai untuk mengatasi masalah ini. Sekiranya kita mendapat maklumat yang hakiki terhadap mereka yang terlibat, maka pihak Kerajaan tentu sekali tidak akan berdiam diri.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan soal-soal berkaitan dengan perkhidmatan, bekalan dan lain-lain lagi. Ini saya akan menghantarkan jawapannya dengan lebih kemas lagi supaya benar-benar tepat kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$2,500,000 untuk Maksud B. 35 dan \$55,460 untuk Maksud B. 38 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,500,000 untuk Maksud B. 35 dan \$55,460 untuk Maksud B. 38 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam maksud P. 36 dan \$4,850,510 dalam Maksud P. 40 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 36 dan \$4,850,510 untuk maksud P. 40 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985.

Maksud B. 45 (Jadual)—

Maksud P. 45 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B. 45 dan P. 45 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$200,500 untuk Maksud B. 45 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$200,500 untuk Maksud B. 45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,500,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 45 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,500,000 untuk Maksud P. 45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985.

Maksud P. 47 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala P. 47 di bawah Kementerian Buruh terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$40 yang disebutkan dalam Maksud P. 47 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1985 di bawah Kementerian Buruh hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$40 untuk Maksud P. 47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985.

Maksud B. 48 (Jadual)—

Maksud P. 48 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat Kepala Bekalan 48 dan P.

48 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Kepong.

6.21 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Maksud B. 48, Kertas-kertas Perintah 10 dan 11, tambahan sebanyak \$130,000 untuk membiayai kerja mengubahsuai sebuah bangunan JKR di Jalan Kelantan, Kuala Lumpur untuk dijadikan sebagai Pusat Sains Sementara yang mana merupakan sebahagian daripada kegiatan-kegiatan Tahun Sains Kebangsaan 1985/1986. Adakah cadangan dibuat untuk mengadakan satu tapak Pusat Sains yang tetap, apakah yang akan berlaku kepada bangunan ini selepas Tahun Sains Kebangsaan 1985/1986 atau selepas tapak tetap dibina, dan apakah jenis aktiviti yang akan dijalankan oleh Pusat Sains Sementara ini.

Saya setuju dengan usaha untuk memajukan sains dan teknologi di negara ini dan membina Pusat Sains itu adalah satu langkah ke arah yang betul, akan tetapi mengapa ini dibuat sementara sahaja dan apakah akan terjadi selepas Tahun Sains Kebangsaan? Itu satu soalan yang pokok dan saya berharap dapat dijawab dengan tepat, dan lebih, lagi usaha hendaklah diambil untuk memajukan bidang sains dan teknologi di negara ini memandangkan negara ini bertumpu kepada kemajuan dan perkembangan bidang sains dan teknologi untuk bertapak ke hadapan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.23 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Pengerusi, peruntukan yang dibelanjakan ini ialah

untuk renovasi bangunan itu. Seperti kata Ahli Yang Berhormat, ini adalah untuk mengadakan satu bangunan Pusat Sains Sementara yang sekarang mempunyai alat-alat saintifik yang disumbangkan oleh sektor swasta. Ini adalah menggalakkan untuk menarik minat orang ramai terhadap sains khususnya murid-murid sekolah.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima kita telah pun berbincang supaya satu bangunan yang tetap di Bukit Kiara dibina. Apabila peruntukan disediakan, bangunan ini akan dijadikan branch kepada pusat ini.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$130,000 untuk Maksud B. 48 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$130,000 untuk Maksud B. 48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$499,900 yang disebutkan dalam Maksud P. 48 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$499,900 untuk Maksud P. 48 diluluskan bagi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985.

Maksud P. 51 dan P. 52 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat Kepala Pembangunan

P. 51, P. 52 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas.

6.25 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Maksud P. 51, muka surat 66, Kertas Perintah 12, Butiran 39 — Pengkalan Pembekal Petroleum Terengganu, Fasa II, nampaknya \$14.8 juta dikeluarkan daripada Simpanan Luar Jangka, untuk tujuan membiayai kontrak-kontrak kerja tambahan dan pembesaran. Apakah bentuk kerja tambahan yang terlibat dan sejauh manakah kerja pembesaran telah beres dan yang masih belum diselesaikan.

Memandangkan industri petroleum dan pengkalannya adalah penting bagi industri ini dan memandangkan harga minyak yang sedang merosot ke bawah paras US\$10 sekarang, adalah penting untuk berjimat-cermat dan untuk mengawal dengan lebih ketat mengenai wang yang dikeluarkan untuk pembangunan di dalam sektor petroleum, kerana setakat ini pada pendapat saya pembangunan yang dilakukan ke atas sektor petroleum adalah kurang kawalan dan perbelanjaan itu kadangkala setengah-setengahnya dibazirkan. Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab soalan-soalan yang saya timbulkan tadi supaya kita dapat tahu apakah kontrak-kontrak, kerja tambahan dan pembesaran ke atasnya itu yang perbelanjaan telah pun dibiayai dan adakah cadangan Yang Berhormat untuk menambahkan lagi pembekalan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.28 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Pengerusi, wang peruntukan yang disebutkan tadi sejumlah \$14,800,010 itu adalah peruntukan

tambahan yang diperlukan pada tahun 1985 bagi menjalankan kerja-kerja pembinaan yang tidak dapat dilaksanakan dalam tahun 1984.

Memandangkan kemajuan pembinaan terlambat disebabkan oleh masalah teknikal pembinaan seperti alignment, ukurparas serta masalah kontraktor yang tidak dapat melaksanakan projek itu mengikut jadual waktu.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$14,800,010 yang disebutkan dalam Maksud P. 51 dan \$10 dalam Maksud P. 52 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1985 di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$14,800,010 untuk Maksud P. 51 dan \$10 untuk Maksud P. 52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 3.00 petang besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.